Untuk tahun 2023, aset pelaburan **TH** berjaya mencatat peningkatan sebanyak 2.97 peratus kepada RM93.6 bilion dari RM90.9 bilion yang direkodkan pada 31 Disember 2022, berikutan peningkatan dalam saiz deposit sebanyak RM1.4 bilion dan pendapatan pelaburan sebanyak RM775 juta yang dicatatkan pada tahun semasa. **TH** mencatatkan jumlah pendapatan yang direalisasikan sebanyak RM4.24 bilion di mana RM3.89 bilion daripadanya disumbangkan oleh pendapatan pasif dan pendapatan lain, manakala RM0.35 bilion adalah daripada keuntungan transaksi. Jumlah keuntungan boleh agih ialah RM2.59 bilion, selepas mengambil kira kos pentadbiran dan zakat sebanyak RM947.7 juta serta rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit (ECL) sebanyak RM656.5 juta.

DELIVERING MEANINGFUL VALUE

For FY2023, **TH** posted a net profit that stood at RM2.33 billion (FY2022: RM1.93 billion) on the back of revenue of RM4.29 billion (FY2022: RM3.39 billion), which contributed to a total income yield of 4.58 per cent (FY2022: 3.73%). **TH** had also managed to grow its deposit by RM1.4 billion, totalling to RM89.0 billion (FY2022: RM87.6 billion). In terms of spending, **TH** posted operational expenditure of RM844.5 million (FY2022: RM783.4 million).

For the hajj season 1444H/2023M, **TH** continued with the targeted HAFIS amounting to RM199 million for a total of 31,600 pilgrims as opposed to RM188 million for 14,306 pilgrims recorded for 2022.

Delivering value upon this year's high performance, a total of RM2.71 billion profit distribution was paid out for the financial year ended 2023, in comparison to the RM2.64 billion profit distribution for 2022 and RM2.45 billion paid for 2021, resulting in a total accumulated amount of RM42.88 billion in profit distribution to all depositors since **TH** establishment. This takes into consideration the zakat allocation of RM101.3 million paid to all State Islamic Religious Councils on behalf of our depositors.

INVESTMENT PERFORMANCE

For 2023, **TH**'s investment assets managed to chart an increase of 2.97 per cent to RM93.6 billion from RM90.9 billion recorded on 31 December 2022 owing to increases in deposit size of RM1.4 billion and investment income of RM775 million recorded for the year. **TH** recorded a total realised income of RM4.24 billion of which RM3.89 billion was contributed by passive income and other income, while RM0.35 billion was from transaction profits. Total distributable income was RM2.59 billion, after taking into account the administrative and zakat costs of RM947.7 million as well as impairment, write off and expected credit losses (ECL) of RM656.5 million.



“

Kami juga memperkenalkan program 'Pendeposit Setia' untuk mengiktiraf dan menggalakkan mereka untuk terus menyimpan dengan **TH**. We also introduced the Loyal Depositors Programme initiative to reward and further enhance our depositors' experience, encouraging continuous saving with **TH**.

”

31,600

Jemaah / Pilgrims
bagi Musim Haji 1444H
for 1444H Hajj Season

“

Cawangan Bergerak **TH** diperkenalkan untuk mendekati lebih ramai pendeposit di kawasan pedalaman. **TH** Mobile Branches was introduced to improve the outreach to more depositors in rural areas.

”

Sekuriti Pendapatan Tetap kekal sebagai portfolio pelaburan terbesar dalam TH sebanyak 56 peratus berbanding Peruntukan Aset Strategik (SAA) iaitu 58 peratus, diikuti oleh pelaburan Ekuiti pada 25 peratus (SAA: 26 peratus). Pelaburan dalam Hartanah ialah 7 peratus (SAA: 11 peratus) dan dalam Pasaran Wang Islam dan Modal Kerja pada 12 peratus (SAA: 5 peratus).

REJUVENASI PEJABAT CAWANGAN

Inisiatif transformasi operasi TH diteruskan pada tahun 2023 melalui pembaharuan dan perluasan perkhidmatan cawangan kami. Ini dilakukan bagi memastikan perkhidmatan cawangan kekal relevan dalam memenuhi keperluan penting pendeposit, selain menambah nilai untuk mencapai aspirasi mereka yang sentiasa berubah.

Sebagai tambahan, Cawangan Bergerak TH diperkenalkan untuk mendekati lebih ramai pendeposit di kawasan pedalaman. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada Fasa Penggabungan Cawangan, melibatkan semua cawangan di Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Perkhidmatan TH (PPTH) seluruh negara, kecuali PPTH Langkawi dan Labuan.

Hasil daripada usaha ini, perkhidmatan secara langsung kepada pendeposit terus dipertingkatkan manakala penawaran perkhidmatan secara digital dan dalam talian juga terus diperluaskan.

MEMPERTINGKATKAN PENAWARAN

Pada tahun 2023, platform THiJARI terus berkembang dengan pengenalan beberapa perkhidmatan inovatif baru seperti Pindahan Telegrafik Elektronik, TH Khairat, Kemaskini Profil, My Dashboard dan Pendaftaran Haji Kanak-kanak di bawah jajaan.

Ini adalah sejajar dengan peningkatan jumlah transaksi dalam talian pada tahun 2023, dengan saluran dalam talian atau elektronik menjadi kaedah utama pendeposit menjalankan transaksi TH, terutamanya yang berkaitan dengan deposit dan pengeluaran. Urus niaga dalam talian merekod jumlah sebanyak 16,119,788 daripada 14,738,454 yang dicatatkan pada 2022.

Saya juga dengan sukacitanya mengumumkan bahawa hasil komitmen dan kerja keras warga kerja TH dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada lebih sembilan (9) juta pendeposit kami melalui THiJARI telah membuahkan hasil apabila kami diiktiraf sebagai Penerima Terbaik Trek Sosial Sektor Awam untuk Anugerah Inovasi Sektor Awam (AINSA) 2023. Anugerah tersebut disampaikan oleh YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia di Majlis Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam yang bertemakan 'Malaysia Madani Memperkasakan Inovasi'. Anugerah ini melambangkan komitmen TH memberi fasiliti dan perkhidmatan terbaik kepada para pendeposit.

Fixed Income Securities remain the largest investment portfolio in TH which stood at 56 per cent against Strategic Asset Allocation (SAA) of 58.0 per cent, followed by Equity investments at 25 per cent (SAA: 26 per cent). Investment in Real Estate is 7 per cent (SAA: 11.0 per cent) and in the Islamic Money Market and Working Capital at 12 per cent (SAA: 5.0 per cent).

REVOLUTIONISING BRANCHES

TH's operational transformation initiatives in 2023 continue through the rejuvenation and extension of our branches. This is done to ensure that TH services remain relevant to the critical needs of our stakeholders, adding value to meet their evolving aspirations.

Additionally, TH introduced Mobile Branches to improve the outreach to more depositors in rural areas. This initiative, which is part of the Branch Consolidation Phase, involved all branches in Urban Transformation Centres (UTC) and TH Service Centres (PPTH) nationwide, except for PPTH Langkawi and PPTH Labuan.

As a result of these upgrades, direct services to depositors were continuously improved while digital and online offerings were expanded.

ENHANCING OUR OFFERINGS

TH's THiJARI platform made headways in 2023 through the introduction of innovative services such as Electronic Telegraphic Transfer, TH Khairat, mandatory profile update, My Dashboard, and haji registration for children under guardianship.

These upgrades were in line with the increasing amount of online transactions in 2023, with online or electronic channels being the primary method for depositors to conduct TH transactions, especially those related to deposits and withdrawals. Online transactions stood at 16,119,778 from 14,738,454 recorded in 2022.

I am pleased to announce that the commitment and diligent efforts of TH staff in providing the best service to more than nine million depositors through THiJARI was recognised in November 2023 when TH received the Best Recipient of the Social Track Award for Public Sector Innovation (AINSA) 2023. It was presented by the Prime Minister YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim at the Public Sector Perdana Innovation Awards presentation ceremony themed 'Malaysia Madani Empowering Innovation'. The award reflects TH's unwavering commitment to provide the best facilities and services to TH depositors.

ULASAN PRESTASI OLEH PENGARAH URUSAN KUMPULAN & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Performance Review by the Group Managing Director & Chief Executive Officer

Kami juga memperkenalkan program ‘Pendeposit Setia’ untuk mengiktiraf dan menggalakkan mereka untuk terus menyimpan dengan **TH**. Pendeposit-pendeposit setia ini juga telah diraikan semasa Sambutan Ulang Tahun ke-60 kami yang diadakan pada September 2023, bagi menghargai kesetiaan dan kepercayaan mereka terhadap **TH**.

OPERASI HAJI MUSIM 1444H/2023M

Kami bersyukur atas usaha berterusan Kerajaan Arab Saudi yang membolehkan penambahan kuota jemaah antarabangsa untuk menunaikan haji pada tahun 2023.

TH mengurus seramai 31,600 jemaah bagi musim 1444H, kembali kepada peruntukan kuota rasmi berbanding pengurangan jumlah jemaah kepada 14,306 orang pada tahun 1443H disebabkan pandemik. Setakat ini, **TH** telah berjaya menghantar 1.5 juta jemaah menunaikan haji sejak penubuhannya 60 tahun lalu.

Operasi Haji **TH** bagi Musim Haji 1444H berjalan lancar dengan penggunaan teknologi digital sepenuhnya untuk proses yang lebih cepat. Sebahagian daripada usaha digital tahun ini termasuk pelancaran aplikasi THhujaj untuk membantu jemaah haji terpilih mendapatkan maklumat penting tentang proses haji dan bimbingan sepanjang perjalanan haji mereka.

Sebagai pengiktirafan kepada **TH** dalam inovasi perkhidmatan haji, **TH** telah menerima Anugerah Labbaitom daripada Kerajaan Arab Saudi bagi kategori Perkhidmatan Pejabat Urusan Haji Terbaik. Anugerah ini di sampaikan oleh Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Dr. Tawfiq Fawzan Al-Rabiah kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im Haji Mokhtar di satu majlis yang dihadiri oleh wakil pelbagai negara di Makkah pada 30 Jun 2023. Sebelum itu, pada bulan Februari 2023, **TH** juga telah menerima Anugerah Labbaitom untuk Perkhidmatan dan Program Bimbingan Haji Terbaik Dunia Islam.



We also introduced the ‘Loyal Depositors’ Programme initiative to reward and further enhance our depositors’ experience, encouraging continuous saving with **TH**. These loyal depositors were celebrated during our 60th Anniversary Celebration, held in September 2023 to appreciate their loyalty and trust in **TH**.

OPERATIONS FOR HAJJ SEASON 1444H/2023M

We are thankful for the continuous support by the Kingdom of Saudi Arabia in allowing an increased quota of international pilgrims to perform hajj in 2023.

TH handled a total of 31,600 pilgrims for 1444H season, back to the official allocation compared to the reduced quota of just 14,306 pilgrims in 1443H due to the pandemic. To date, **TH** has successfully sent 1.5mil hajj pilgrims since its establishment.

All operations for 1444H ran smoothly with the full utilisation of **TH**’s new digital technologies for smoother processes. Part of the year’s digitalisation effort included the launch of a mobile application THhujaj, an application to assist pilgrims with valuable information about hajj processes and guidance throughout the whole hajj journey upon acceptance.

In recognition of its innovations in the hajj services space, **TH** has been named the recipient of the Saudi Arabian Labbaitom Award for the Best Service category for a Hajj Affairs Office. The award was presented by Saudi Arabia’s Hajj and Umrah Minister, Dr Tawfiq Fawzan Al-Rabiah to Minister in the Prime Minister’s Department (Religious Affairs) YB Senator Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im Haji Mokhtar in a ceremony attended by various countries in Makkah on June 30, 2023. Earlier in February 2023, **TH** received the Labbaitom Award for the Best Hajj Guide Service and Programme in the Islamic World.



MELANGKAH KE HADAPAN

TH teruja untuk terus melangkah ke hadapan dan menamatkan tahun 2024 dengan menyempurnakan kesemua sasaran HIJRAH24 serta menetapkan penanda aras untuk menyelesaikan semua inisiatif yang sedang berjalan dan dirancang untuk disiapkan seperti Pengurusan dan Pemantauan Pelaburan Strategik; Pembinaan Semula Portfolio Pelaburan **TH**; Perancangan Penggantian Kepimpinan; Memupuk Budaya Transformasi; NextGen Haji dan pelbagai inisiatif lain bagi mengukuhkan tadbir urus **TH**.

TH juga akan berusaha untuk terus mempertingkatkan perkhidmatan pengurusan haji bertaraf dunia, meneruskan usaha mencari cara terbaik mengurus kenaikan kos haji, memastikan kemampuan jangka panjang dan membangun keupayaan untuk merintis transformasi lebih bermakna pada tahun-tahun akan datang.

PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim dan menteri-menteri Kabinet terutamanya Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Haji Mokhtar atas tunjuk ajar beliau, serta pihak berkuasa pengawal selia dan agensi kerajaan yang lain atas bimbingan serta kerjasama berterusan mereka sepanjang tahun. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada anggota Lembaga, Panel Pelaburan dan Jawatankuasa Penasihat Syariah atas usaha tidak henti-henti mereka, serta pengawasan berkesan terhadap operasi harian **TH**.

Insyallah, atas komitmen padu pihak Pengurusan, warga kerja dan rakan strategik **TH**, adalah menjadi cita-cita kami untuk menetapkan tanda aras baharu dalam standard perkhidmatan haji untuk pemegang taruh, menggerakkan usaha melangkaui nilai-nilai integriti, profesionalisma dan dedikasi dalam setiap langkah kami. Saya mengakhiri ulasan ini dengan penuh keyakinan akan masa depan **TH** dan teruja menantikan era baru hari esok yang bakal disingkap oleh fasa akhir HIJRAH24, Insyallah.

Terima kasih.

MOVING FORWARD

TH is looking forward to conclude 2024 with the full completion of all ongoing HIJRAH24 plans, hitting benchmarks for various identified initiatives that are currently underway and planned for completion in fields such as Strategic Investment Management and Monitoring; Rebuilding of **TH** investment portfolio; Leadership succession planning; Fostering a culture of transformation; NextGen Hajj; and a range of other initiatives that strengthen **TH** governance.

TH will also strive to continue enhancing its world-class hajj management services, finding the best method to manage the increase in hajj cost, ensuring long-term sustainability and growing capabilities to pioneer meaningful, game-changing transformations in the years to come.

APPRECIATION AND GRATITUDE

I would like to express my deepest appreciation to the Malaysian government, led by Prime Minister YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim and its Cabinet Ministers especially the Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs), YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Haji Mokhtar for his guidance, as well as other regulatory authorities and government agencies for their steadfast guidance and partnership throughout the year. I would also like to thank our Lembaga members, Investment Panel and Shariah Advisory Committee for their unrelenting efforts and effective oversight of **TH's** day-to-day operations.

Insyallah, owing to the unyielding dedication of **TH's** management, staff and strategic partners by our side, it is our ambition to continuously set new benchmarks for hajj service standards for our stakeholders, going above and beyond through the values of integrity, professionalism and dedication in our every move. I end this review with great optimism for **TH's** future and am looking forward to the new era that the final phase of this HIJRAH24 will herald for tomorrow.

Thank you.

Syed Hamadah Syed Othman

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif
Group Managing Director and Chief Executive Office

OBJEKTIF STRATEGIK

Strategic Objective



PENTADBIRAN DANA

Fund Administration

ALOKASI ASET

Pada 2023, aset-aset pelaburan **TH** telah meningkat sebanyak 3.0 peratus kepada RM93.6 bilion pada 31 Disember 2023 daripada RM90.9 bilion pada 31 Disember 2022. Peningkatan ini seiring dengan peningkatan dalam pendapatan pelaburan.

ASSET ALLOCATION


In 2023, **TH's** investment assets increased by 3.0 per cent to RM93.6 billion as at 31 December 2023 from RM90.9 billion as at 31 December 2022. The increase was in line with an increase in the investment income.

Pendedahan pelaburan terbesar ialah dalam Sekuriti Pendapatan Tetap iaitu 56.3 peratus berbanding Alokasi Aset Strategik (SAA) 58.0 peratus, diikuti oleh pelaburan Ekuiti sebanyak 24.8 peratus (SAA: 26.0 peratus). Pelaburan dalam Hartanah ialah sebanyak 6.9 peratus (SAA: 11.0 peratus) dan dalam Pasaran Wang Islam dan Modal Kerja sebanyak 12.0 peratus (SAA: 5.0 peratus).

The largest investment exposure was in Fixed Income Securities at 56.3 per cent, compared to Strategic Asset Allocation (SAA) of 58.0 per cent, followed by Equity investments at 24.8 per cent (SAA: 26.0 per cent). Investment in Real Estate is 6.9 per cent (SAA: 11.0 per cent) and in the Islamic Money Market and Working Capital at 12.0 per cent (SAA: 5.0 per cent).

Kedudukan Pelaburan **TH** pada 31 Disember 2023

TH's Investment Position as at 31 December 2023



PRESTASI

TH mencatatkan jumlah pendapatan yang direalisasikan sebanyak RM4.2 bilion pada tahun 2023. Kira-kira 51.6 peratus daripada jumlah pendapatan disumbangkan oleh pelaburan Sekuriti Pendapatan Tetap. Pelaburan Ekuiti menyumbang kira-kira 24.4 peratus daripada jumlah pendapatan manakala pelaburan dalam Hartanah mencatatkan sumbangan sebanyak 8.3 peratus dan 15.7 peratus lagi daripada pelaburan Pasaran Wang Islam.

PROSPEK

Ekonomi dunia bergelut dengan tekanan inflasi pada 2023 sehingga mendorong bank-bank pusat dunia menaikkan kadar faedah secara berterusan. Pertumbuhan ekonomi global pada 2024 dijangka lebih sederhana berbanding 2023 susulan kadar faedah yang tinggi menjejaskan perbelanjaan, pelaburan, pendapatan korporat dan pasaran buruh. Bank-bank pusat utama dunia telah pun mula menghentikan kenaikan kadar faedah dan berpotensi untuk mula menurunkan kadar faedah menjelang hujung 2024. Walau bagaimanapun, ekonomi Malaysia dijangka mendapat ransangan daripada pelaksanaan polisi-polisi makro dan langkah-langkah di bawah Bajet 2024 yang menyasarkan perkembangan.

Ekonomi domestik diunjurkan berkembang pada kadar 4.5 peratus pada tahun 2024 berbanding 3.7 peratus pada 2023. Tema-tema pelaburan dilihat lebih fokus kepada pasaran domestik, ditunjangi kerangka Ekonomi Madani, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura dan juga penerusan langkah-langkah besar pembangunan Sarawak.

PERFORMANCE


TH recorded a total realised income of RM4.2 billion in 2023. About 51.6 per cent was contributed by investments in Fixed Income Securities. Income from investments in Equities accounted for approximately 24.4 per cent of the total income whilst investments in Real Estate contributed about 8.3 per cent while 15.7 per cent from Islamic Money Market investments.

PROSPECTS

The global economy struggled with inflationary pressure during most of 2023, prompting central banks particularly in key developed economies to continuously raise policy rates. Global growth in 2024 is expected to be softer than in 2023 as consumption, investment, corporate earnings and job market are affected by the high interest rate environment. Major central banks have begun to pause rate hike with potential rate cuts to begin in the parts of 2024. Nevertheless, in the case of Malaysia, implementation of a series of key macroeconomics policies and measures under Budget 2024 that are pro-growth are expected to lift up the domestic economy.

The domestic economy is projected to grow by 4.5 per cent in 2024 as compared to 3.7 per cent in 2023. Key investment themes are likely to be domestic-centric, driven by the Madani Economy Framework, National Energy Transition Roadmap, Johor-Singapore Special Economic Zone as well as Sarawak's burgeoning growth ambitions.

Pecahan Pendapatan Pada 31 Disember 2023 Breakdown of Income as at 31 December 2023



OBJEKTIF STRATEGIK Strategic Objective



PENGURUSAN HAJI Hajj Management

KELESTARIAN PENGURUSAN HAJI

Mengorak langkah ke tahun kedua pasca pandemik COVID-19, **TH** telah melipat gandakan perancangan bagi mempersiapkan pelbagai keperluan operasi haji bagi musim haji 1444H/2023M. Ini seiring dengan pelbagai penambahbaikan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Arab Saudi bagi memperkasakan pelaksanaan ibadat haji sejajar dengan Visi 2030 Arab Saudi.

SUSTAINABLE HAJJ MANAGEMENT

Moving into the second year after the COVID-19 pandemic, **TH** has intensified its plans to prepare for various hajj operation requirements for the 1444H/2023M Hajj Season. This is in line with improvements that are being implemented by the Government of Saudi Arabia to strengthen the implementation of hajj ibadah in line with Saudi Vision 2030.

PENGUMUMAN KUOTA HAJI

Pada 10 Januari 2023, Kerajaan Arab Saudi telah mengumumkan pemberian kuota penuh kepada Jemaah Haji Malaysia berjumlah 31,600 berbanding kuota pada tahun sebelumnya iaitu 14,306. Pemberian kuota penuh ini adalah selaras dengan situasi fasa endemik COVID-19 semasa, namun langkah berjaga-jaga tetap ditekankan oleh Kerajaan Arab Saudi bagi memastikan perjalanan ibadat haji berjalan lancar. Antaranya adalah penetapan beberapa syarat tunai haji seperti berikut:

1. **Kesihatan**
Individu sihat tanpa risiko kesihatan
2. **Had Umur**
Tiada had umur maksima
3. **Mengambil Suntikan Vaksin**
Meningococcal & COVID-19

Senada dengan ini, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memperketatkan syarat lulus pemeriksaan kesihatan sebagai langkah mengawal risiko kesihatan bakal haji semasa mengerjakan haji di Tanah Suci.

ANNOUNCEMENT OF HAJJ QUOTA

On 10 Jan 2023, the Government of Saudi Arabia has granted a full quota of 31,600 for Malaysian Hajj Pilgrims, a substantial increase from the previous year's quota of 14,306 due to COVID-19. Nevertheless, during the endemic phase to ensure a smooth Hajj journey. Among them is the stipulation of some requirements as follows:

1. **Health**
Healthy individuals with no health risks
2. **Age Limit**
No age limit
3. **Vaccinated against Meningococcal & COVID-19**

The Malaysian Ministry of Health has also tightened the requirements to meet for a health examination as a measure to reduce health risks amongst prospective pilgrims.

**SYARAT TUNAI HAJI
YANG DITETAPKAN
OLEH KERAJAAN
ARAB SAUDI**
Bagi Musim Haji 1444H/2023M



**HAJJ REQUIREMENTS SET
BY THE GOVERNMENT OF
SAUDI ARABIA**
For the Hajj Season 1444H/2023M



KESIHATAN / HEALTH

Individu sihat tanpa risiko kesihatan
Healthy individuals with no health risks



HAD UMUR / AGE LIMIT

Tiada had umur maksima
No age limit



VAKSIN / VACCINE

Mengambil suntikan vaksin
Meningococcal & COVID-19
Vaccinated against Meningococcal
& COVID-19

KOS HAJI DAN PENETAPAN BAYARAN HAJI

Pelbagai strategi telah diambil bagi menangani kos haji yang terus meningkat saban tahun. Faktor-faktor di luar kawalan **TH** telah memberi kesan kepada peningkatan kos. Di antara pendekatan yang diambil oleh **TH** adalah dengan menandatangani kontrak jangka panjang bagi beberapa perkhidmatan dan kemudahan di Tanah Air dan Tanah Suci.

Bayaran haji untuk musim haji 1444H/2023M bagi seorang jemaah haji yang menunaikan haji melalui pakej Muassasah ditetapkan pada RM30,850. Namun bagi golongan yang kurang mampu, **TH** terus mengekalkan Bantuan Kewangan Haji Secara Bersasar kepada mereka yang menunaikan haji kali pertama di mana kadar bayaran haji berbeza mengikut pecahan kategori pendapatan individu iaitu B40 dan M40.

Secara keseluruhan, Bantuan Kewangan Haji yang diberikan oleh **TH** adalah sebanyak RM199 juta untuk memastikan jemaah haji mendapat perkhidmatan lengkap sepanjang tempoh menunaikan haji bagi Musim Haji 1444H/2023M.

PERSIAPAN OPERASI HAJI 1444H/2023M

Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan ke-39 telah membuka lembaran persiapan haji bagi musim haji 1444H/2023M. Muzakarah yang telah berlangsung pada 7 hingga 9 November 2022 bertempat di Movenpick Hotel & Convention Centre, KLIA dengan disertai oleh lebih 450 peserta yang mengikuti secara fizikal dan secara dalam talian. Peserta terdiri daripada Pengurusan **TH**, ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji (JPIH), Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air (PEKTA), wakil-wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JAWHAR), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pejabat Mufti, dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Sebanyak enam (6) kertas kerja telah dibentangkan di dalam Muzakarah Haji pada kali ini dan resolusi yang dibentangkan pada hari penutup digunapakai sebagai rujukan di dalam kursus-kursus haji dan penerbitan haji pada Musim Haji 1444H/2023M.

COST OF HAJJ AND DETERMINATION OF HAJJ PAYMENT

Various strategies have been taken to manage the cost of hajj which continues to increase every year. Factors beyond **TH's** control have had an impact on cost increases. Among the approaches taken by **TH** is the signing of long-term contracts for several services and facilities within Malaysia and in the Holy Land.

During the 1444H/2023M Hajj season, the hajj payment for a pilgrim who performs hajj through the Muassasah package is set at RM30,850. However, for the less able, **TH** continues to maintain targeted Hajj Financial Support (HAFIS) for first time pilgrims whereby the hajj payment rate varies according to the breakdown of individual income categories of B40 and M40.

In total, the Hajj Financial Assistance (HAFIS) provided by **TH** is as much as RM199 million to ensure that the pilgrims are provided comprehensive services throughout the period of performing the hajj for the Hajj season 1444H/2023M.

PREPARATION FOR HAJJ OPERATION 1444H/2023M

Hajj preparation for hajj season 1444H/2023M began with the 39th National Hajj Muzakarah. The Muzakarah which took place on 7 to 9 November 2022 at the Movenpick Hotel & Convention Centre, KLIA was attended by more than 450 participants through physical participation and online channels. Participants comprised of **TH** Management, members of the Hajj Pilgrimage Advisory Committee (JPIH), Homeland Hajj Facilitators (PEKTA), representatives of Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JAWHAR), Ministry of Health (KKM) and Public Institutions of Higher Education (IPTA) as well as representatives from external agencies. A total of six (6) papers were presented in this Muzakarah and the resolutions presented on the closing day were used as reference in the 1444H/2023M hajj courses and hajj publications.



OBJEKTIF STRATEGIK Strategic Objective

02

PENGURUSAN HAJI Hajj Management

Kursus Asas Haji bermula dua (2) minggu selepas Muzakarah Haji di mana sebanyak 13 siri kursus telah berjalan serentak daripada 25 November 2022 sehingga 17 Februari 2023 di 201 masjid terpilih di seluruh negara. Semua bakal haji terutamanya yang terpilih bagi tahun semasa dijemput untuk menghadiri siri kursus ini sebagai persediaan bagi melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan berkaitan ibadat haji dan kesihatan serta urusan perjalanan haji.

Kursus Intensif Haji (KIH) peringkat nasional diadakan secara dalam talian melalui saluran YouTube rasmi **TH** pada 8 dan 9 April 2023 kerana kekangan masa. Kursus Perdana Haji (KPH) pula telah melengkapkan siri bimbingan haji di mana ia telah diadakan pada 29 April sehingga 14 Mei 2023 di 17 lokasi terpilih di seluruh negara sebelum bakal-bakal haji berangkat ke Tanah Suci.

Sesi Penilaian Prestasi Operasi Haji telah diadakan pada 31 Oktober hingga 3 November 2023 bertujuan untuk membincang, mengkaji dan menganalisa isu dan permasalahan melalui laporan yang disediakan oleh Pengurusan di peringkat sektor semasa operasi Musim Haji 1444H/2023M.

TAWARAN HAJI

Pada 22 Mac 2023, surat tawaran untuk menunaikan haji bagi Musim Haji 1444H/2023M mula dikeluarkan kepada bakal haji terpilih secara berperingkat. Bakal haji perlu menjawab tawaran menggunakan aplikasi THiJARI sebelum mula menjalani pemeriksaan kesihatan di mana-mana klinik kesihatan kerajaan atau pusat rawatan swasta yang berdaftar dengan KKM. **TH** turut menyediakan aplikasi THiJARI untuk bakal haji mengemukakan rayuan menunaikan haji bermula pada 27 Mac 2023 dan ditutup pada 20 Mei 2023.

Bermula musim haji 1444H/2023M, Kerajaan Arab Saudi telah mengeluarkan pekeliling untuk menguatkuasakan penggunaan aplikasi Saudi Visa Bio untuk semua jemaah haji. Pendaftaran biometrik melalui aplikasi Saudi Visa Bio ini menjadi syarat utama untuk proses kelulusan dan pengeluaran visa haji.

PETUGAS HAJI

Petugas Haji merupakan tulang belakang bagi kejayaan operasi haji. Bagi musim haji kali ini, seramai 685 orang petugas haji telah dilantik untuk menyantuni jemaah haji yang terdiri daripada Rombongan Kebajikan dan Rombongan Perubatan.

Bagi memperkasa petugas haji, **TH** telah memberikan pendedahan kepada bakal petugas haji melalui beberapa siri kursus yang dikendalikan oleh jurulatih yang mahir dan berpengalaman. Kursus Teras Petugas Haji telah dilaksanakan pada 17 hingga 19 Januari 2023 dengan disertai oleh 245 peserta. Objektif kursus ini adalah untuk memberikan pendedahan dan maklumat awal berkaitan perjalanan, peraturan serta proses pelaksanaan operasi haji kepada mereka yang pertama kali bertugas.

The Hajj Basic Course started two (2) weeks after the Muzakarah whereby a total of 13 series ran simultaneously from 25 November 2022 until 17 February 2023 in 201 selected mosques across the country. All prospective pilgrims, especially those selected for the current year, were invited to attend this series of courses to equip themselves with knowledge related to the pilgrimage.

Due to time constraints, the year's Hajj Intensive Course (KIH) was held online via **TH's** official YouTube channel on 8 and 9 April 2023. The Hajj Prime Course (KPH) completed the hajj guidance series and was held from 29 April until 14 May 2023 at 17 selected locations nationwide, before prospective pilgrims depart for the Holy Land.

The Hajj Operation Performance Evaluation Session was held from 31 October to 3 November 2023 with the aim of discussing, studying and analysing issues and problems through reports prepared by Management at the sector level during the operation of the Hajj Season 1444H/2023M.

HAJJ OFFER

On 22 March 2023, offer letters to perform hajj for 1444H/2023M hajj season were issued to selected hajj pilgrims in stages. Prospective pilgrims responded to the offer using the THiJARI application before proceeding for a health check-up at any government clinics or private treatment center registered with KKM. **TH** also provides easy online access through THiJARI for those who intend to appeal from 27 March 2023 until 20 May 2023.

Starting from the hajj season 1444H/2023M, the Government of Saudi Arabia had issued a circular to enforce the use of the Saudi Bio Visa Application for all hajj pilgrims. Biometric registration through the Saudi Bio Visa Application is the main condition for the approval process and issuance of hajj visas.

HAJJ OFFICERS

Hajj Officers are the backbone for the success of the hajj operations. For this hajj season, a total of 685 hajj officers have been appointed to serve the pilgrims, consisting of the Welfare Team and the Medical Team.

In order to empower hajj officers, **TH** prepared a series of training courses conducted by skilled and experienced trainers. The Induction Course for hajj officers was held on 17 to 19 January 2023 with 245 participants. The objective of this course was to provide exposure and information related to travel, rules and the implementation of the hajj operations process to those who are on duty for the first time.

Operasi Haji Tanah Air dan Tanah Suci telah memperolehi pensijilan ISO sejak tahun 2006. Operasi haji ini berteraskan kepada piawaian antarabangsa ISO. Pada 8 hingga 9 Februari 2023, Bengkel Pemantapan Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 Pengurusan Haji diadakan bertujuan memberi pemahaman dan penambahbaikan kepada prosedur dan arahan kerja berkaitan pengurusan haji.

Kursus Pengukuhan Petugas Haji pula telah dilaksanakan bermula 2 hingga 5 Mei 2023 dengan disertai oleh lebih 600 orang bakal petugas. Selain pendedahan kepada ilmu, kemahiran teknikal dan semangat kerja berpasukan yang bertujuan untuk membangun dan melahirkan petugas haji Tanah Suci yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam memastikan kelancaran operasi haji merentasi pelbagai sektor.

PENGELOLA JEMAAH HAJI (PJH)

Sebanyak 23 buah syarikat yang terdiri daripada 22 syarikat berpengalaman dan satu (1) syarikat baru telah diberikan Lesen PJH 1444H/2023M termasuk TH Travel & Services Sdn. Bhd. bagi mengelolakan jemaah haji Malaysia bagi Musim Haji 1444H/2023M. Majlis serahan Lesen PJH 1444H/2023 telah disempurnakan oleh Pengarah Eksekutif Haji pada 30 Januari 2023 bertempat di Ibu Pejabat TH, Kuala Lumpur.

Karnival PJH yang dianjurkan buat julung kalinya pada 25 dan 26 Mac 2023 telah mendapat sambutan yang sangat baik dengan dihadiri oleh lebih 5,000 orang pengunjung. Karnival ini telah dirasmikan oleh YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) yang turut melancarkan 'Pakej Haji Rahmah' dengan harga kurang daripada RM50,000.

The Domestic and Holy Land Hajj Operations has obtained ISO certification since 2006. The hajj operation is based on the ISO international standards. From 8 to 9 February 2023, the ISO 9001:2015 Hajj Management Quality Management System Documentation Strengthening Workshop was held with the aim of providing understanding and improvements to procedures and work instructions related to hajj management.

The Hajj Officers Refresher Course was held from 2 to 5 May 2023 with the participation of 600 prospective officers. In addition to exposure to knowledge and technical skills, these courses are expected to foster teamwork and collaboration among officers in order to produce competent, productive, responsive and capable hajj officers across various sectors.

LICENSED HAJJ OPERATOR (PJH)

A total of 23 companies consisting of 22 experienced companies and one (1) new company have been granted PJH License 1444H/2023M including TH Travel & Services Sdn. Bhd. to manage Malaysian pilgrims for the 1444H/2023M Hajj season. The handing over of PJH License 1444H/2023 by the Hajj Executive Director was held on 30 January 2023 at the TH Headquarters in Kuala Lumpur.

The PJH Carnival which was organised for the first time on 25 and 26 March 2023 received very good responses with more than 5,000 visitors. This carnival was officiated by YB Minister in the Prime Minister's Department (Islamic Religious Affairs) alongside the launch of the 'Pakej Haji Rahmah' with a price of less than RM50,000.



OBJEKTIF STRATEGIK Strategic Objective

02


PENGURUSAN HAJI Hajj Management

PERJALANAN HAJI

Bagi melancarkan proses perlepasan Jemaah haji, sebanyak lapan (8) stesen berlepas telah dikenal pasti sebagai tempat jemaah haji melapor diri. Stesen tersebut adalah seperti berikut:

THE HAJJ JOURNEY

In order to facilitate the pilgrims' departure process, a total of eight (8) departure stations for pilgrims to check in were identified as follows:




Pra-perlepasan jemaah haji atau “Makkah Route” yang disediakan oleh Kerajaan Arab Saudi dengan kerjasama Kerajaan Malaysia diteruskan pada musim haji kali ini bagi memberi keselesaan kepada jemaah haji dan menjimatkan masa menunggu di lapangan terbang Jeddah dan Madinah.

Kuota rasmi Malaysia bagi musim haji 1444H/2023M adalah seramai 31,600 dengan pecahan seperti berikut:

The pilgrims pre-departure program or “Makkah Route” provided by the Government of Saudi Arabia in collaboration with Malaysia Government was continued to provide much needed convenience and comfort to hajj pilgrims this season, by reducing their waiting time significantly at the Jeddah and Madinah airports.

The official quota for Malaysia for Hajj Season 1444H/2023M was 31,600 with the breakdown as follows:

Kuota Haji Rasmi Jemaah Haji Malaysia Official Hajj Quota of Malaysian Hajj Pilgrims 1444H/2022M



TH telah melantik Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan Saudia Airlines (SAUDIA) untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan carter haji kepada semua jemaah haji Malaysia. Sebanyak 102 penerbangan carter telah digunakan untuk membawa jemaah haji pergi dan balik dari lapangan terbang KLIA ke Lapangan Terbang Jeddah ataupun Lapangan Terbang Madinah. MAB telah menguruskan sebanyak 58 penerbangan, manakala 44 penerbangan diuruskan oleh pihak SAUDIA. Fasa 1 penerbangan telah dilaksanakan bermula 20 Mei sehingga 19 Jun 2023, manakala Fasa 2 pula bermula pada 5 Julai sehingga 1 Ogos 2023.

Bagi menempatkan jemaah haji Muassasah, **TH** telah menyediakan sebanyak 12 bangunan penginapan di Makkah yang dibahagikan kepada empat (4) zon iaitu :

Zon A – Shuib Amir/Sulaimaniyyah	Zon C – Hafee'r
Zon B – Ajjad Masafi	Zon D – Misfalah

Manakala di Madinah pula, sebanyak tiga (3) hotel telah digunakan di bawah pengawasan dua (2) zon. Pelbagai perkhidmatan nilai tambah disediakan di setiap bangunan penginapan untuk kemudahan jemaah seperti perkhidmatan dobi, komunikasi, kafeteria dan ziarah. Perkhidmatan pos juga disediakan di bangunan penginapan bagi memudahkan jemaah haji menguruskan penghantaran barang ke Malaysia.

Jemaah haji Muassasah disediakan makan tengahari dan makan malam di semua bangunan penginapan jemaah haji di Makkah dan Madinah. Penyediaan makanan ini adalah di bawah kawalselia **TH** sepenuhnya bagi menjamin kualiti makanan yang terbaik.

Kesihatan jemaah haji sentiasa menjadi keutamaan **TH**. Pada Musim Haji 1444H/2023M, secara keseluruhannya **TH** telah menyediakan sebanyak 17 buah klinik yang ditempatkan di setiap bangunan penginapan jemaah, dua (2) klinik kecemasan ditempatkan di bangunan Abraj Janadriah dan Land Premium, serta dua (2) pusat rawatan iaitu Pusat Rawatan **TH** Makkah dan Pusat Rawatan **TH** Madinah.

Bagi menambahbaik perkhidmatan, Rombongan Perubatan telah mengadakan Ziarah Rahmah di mana pasukan Unit Kesihatan Awam membuat lawatan ke bilik jemaah haji di Maktab dan Zon secara berjadual bagi mengenal pasti jemaah haji yang memerlukan rawatan dan memberi nasihat kesihatan.

Menjelang 8 Zulhijjah 1444H bersamaan dengan 25 Jun 2023 iaitu sehari sebelum hari wukuf, semua jemaah haji telah digerakkan ke Arafah secara berperingkat bermula 8 pagi. Kerajaan Arab Saudi telah memperkenalkan usaha menswastakan semua Muassasah perkhidmatan jemaah haji buat julung kalinya untuk menambahbaik perkhidmatan Masya'ir kepada jemaah haji seluruh dunia. Seperti musim haji 1443H/2022M, set tilam, bantal dan selimut disediakan kepada jemaah haji termasuk sajian pagi, tengahari dan malam selama berada di Arafah dan Mina.

TH appointed Malaysia Airlines Berhad (MAB) and Saudia Airlines (SAUDIA) to provide haji charter flights to all Malaysian pilgrims. A total of 102 charter flights were used to transport pilgrims return from KLIA airport to Jeddah Airport or Madinah Airport, whereby 58 flights were from MAB and the remaining 44 flights from SAUDIA. Phase 1 of the flight was implemented from 20 May until 19 June 2023 while Phase 2 began from 5 July until 1 August 2023.

In order to accommodate Muassasah haji pilgrims, **TH** prepared 12 accommodation buildings in Makkah which were divided into four (4) zones, namely:

Zone A – Shuib Amir/Sulaimaniyyah	Zone C – Hafee'r
Zone B – Ajjad Masafi	Zone D – Misfalah

While in Madinah, three (3) buildings were used under the supervision of two (2) zones. Each building comes equipped with a variety of services for the convenience of the pilgrims such as laundry services, communication, cafeterias and program (ziarah) kiosks. Postal services were also provided in the accommodation building to facilitate the delivery of goods to Malaysia.

Muassasah pilgrims were provided with lunch and dinner at all accommodation buildings in Makkah and Madinah. The food preparation is fully supervised by **TH** to guarantee quality.

The pilgrims' health is always **TH**'s main priority. During the 1444H/2023M Hajj Season, **TH** provided a total of 17 clinics, housed at each accommodation building, two (2) emergency clinics located at the Abraj Janadriah and Land Premium buildings and two (2) treatment centers namely **TH** Makkah Treatment Center and **TH** Madinah Treatment Centre.

To better improve services, the Medical Team organised visits known as ziarah rahmah whereby the Public Health Unit made scheduled visits to pilgrims' rooms to identify those in need of treatment and offer health consultations.

By 8 Zulhijjah 1444H, corresponding to 25 June 2023, the day before *wukuf*, starting at 8 am, all pilgrims were transported to Arafah in stages. The Government of Saudi Arabia for the first time has privatised all haji service providers to improve Masya'ir services to pilgrims around the world. Similar to 1443H/2022M hajj season, a set of mattress, pillow and blanket and catered breakfast, lunch and dinner was provided for each pilgrim during their stay in Arafah and Mina.

OBJEKTIF STRATEGIK Strategic Objective

02

PENGURUSAN HAJI Hajj Management

KOMITED MENAMBAHBAIK PERKHIDMATAN

Walaupun dinobatkan sebagai pengendali perkhidmatan haji terbaik di dunia, namun **TH** terus berusaha untuk menambahbaik perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan kepada jemaah haji termasuk usaha-usaha digitalisasi dalam operasi haji.

Aplikasi THHujjaj terus digunapakai bagi Musim Haji 1444H/2023M yang merupakan platform saluran maklumat sebagai rujukan untuk jemaah haji. Kandungannya juga sentiasa dikemaskini sepanjang musim haji. Hajj Mobility juga sentiasa ditambah baik bagi tujuan meningkatkan kecekapan pengurusan operasi di Tanah Suci dan pelaporan pengurusan yang berkesan dan efektif.

Aplikasi THiJARI telah ditambahbaik dengan mempelbagaikan menu perkhidmatan haji yang boleh dimanfaatkan oleh jemaah haji seperti semakan pendaftaran dan tawaran tunai haji, menjawab tawaran haji, semakan jadual kursus haji, semakan penerbangan haji, membuat rayuan haji serta melakukan transaksi pembayaran dam dan korban secara dalam talian.

Aplikasi e-Bimbingan Haji melangkah ke hadapan dengan menawarkan aplikasi mudah alih di mana jemaah haji dapat mengulangkaji ilmu haji melalui telefon bimbit. Semua bahan kursus dimuatnaik untuk kegunaan jemaah haji yang boleh diakses di mana jua dan pada bila-bila masa.

Sistem Pengesanan Pergerakan Lori Bagasi Antara Bandar juga telah selesai dibangunkan pada Mac 2023 dan berjaya digunapakai untuk Musim Haji 1444H/2023M bermula 21 Mei 2023.

Selaras dengan transaksi tanpa tunai yang sedang giat dilaksanakan di Arab Saudi, **TH** dengan kerjasama Bank Islam bagi dua (2) tahun berturut-turut telah menawarkan perkhidmatan kad debit dengan pengecualian caj bagi pengeluaran wang di mesin ATM di Makkah dan Madinah sepanjang musim haji. **TH** juga bekerjasama dengan bank tempatan Arab Saudi, Alinma Bank untuk menyediakan mesin ATM di dalam salah satu bangunan penginapan jemaah haji buat kali pertama dalam sejarah perkhidmatan haji di Makkah.

PENCAPAIAN RANGKA TINDAKAN PENGURUSAN HAJI 2021-2025

Rangka Tindakan Pengurusan Haji atau Hajj Blueprint 2021 - 2025 merupakan perancangan strategik untuk tempoh lima (5) tahun demi memastikan kelestarian pengurusan dan perkhidmatan haji yang cemerlang.

Matlamat utama Rangka Tindakan ini adalah untuk menempatkan **TH** di landasan yang kukuh bagi menghadapi cabaran baharu pada masa hadapan serta pelbagai perubahan persekitaran yang perlu ditangani oleh **TH** dalam pengurusan haji.

COMMITTED TO SERVICE IMPROVEMENTS

Despite being credited as the best hajj manager in the world, **TH** continues to improve the services provided to pilgrims including digitalisation efforts in hajj operations.

The THHujjaj application continued to be used for the Hajj Season 1444H/2023M as an information channel that can be referred to by hajj pilgrims. The content is also constantly updated throughout the hajj season. Hajj Mobility is also constantly being improved in order to enhance operational management efficiency in the Holy Land and for effective and efficient management reporting.

The THiJARI application has also been improved by diversifying the menu of hajj services that can be used by pilgrims such as hajj registration, responding to hajj offers, hajj course schedule, hajj flights, making hajj appeals and online payment for Qurban and Dam.

The e-Bimbingan Hajj application took a step forward by offering a mobile application where pilgrims can learn and refresh their hajj knowledge through mobile phones. All course slides are uploaded for the use of pilgrims who can access them anywhere and anytime.

The Intercity Baggage Tracking System was completed in March 2023 and was successfully used for the 1444H/2023M Hajj Season starting 21 May 2023.

In line with cashless transactions that are actively implemented in Saudi Arabia, **TH** in collaboration with Bank Islam for two (2) consecutive years, has offered debit card services with an exemption from charges for withdrawing money from ATM machines in Makkah and Madinah during the hajj season. **TH** also collaborated with the local bank of Saudi Arabia, Alinma Bank to provide an ATM machine in one of the pilgrims' accommodation buildings for the first time in the history of hajj service in Makkah.

ACHIEVEMENT OF THE HAJJ BLUEPRINT 2021-2025

The Hajj Management Framework or Hajj Blueprint 2021 - 2025 is a strategic plan for a period of five (5) years to ensure the sustainability of excellent hajj management and services.

The main goal of this Framework is to place **TH** on a solid footing to face new challenges in the future as well as the various changes that **TH** needs to deal with in the hajj management environment.

TH perlu menanganinya dengan mengaplikasikan inisiatif-inisiatif yang strategik, sistematik dan inovatif secara berterusan seperti termaktub dalam pelan induk ini. **TH** perlu sentiasa berusaha mengekalkan pengiktirafan perkhidmatan haji bertaraf dunia. Ini akan menjamin **TH** kekal di hati masyarakat dengan komitmennya melaksanakan rangkuman perkhidmatan haji bagi rakyat Malaysia khususnya jemaah haji. Dengan terlaksananya iltizam ini, **TH** akan terus menjadi institusi yang dihormati atas pencapaian dan tadbir urus berkesan yang menjadi tonggak utama kejayaan serta kelangsungan **TH**.

Sepanjang tahun 2023, sejumlah 41 program telah dilaksanakan berdasarkan lima (5) teras iaitu Teras 1 : Perundangan dan Tadbir Urus, Teras 2 : Pelanggan, Teras 3 : Perkhidmatan, Teras 4 : Bimbingan, dan Teras 5 : Kewangan. Prestasi Pencapaian Rangka Tindakan Pengurusan Haji setakat 31 Disember 2023, sejumlah 35 program atau 85 peratus telah selesai dimuktamadkan, manakala terdapat 6 program atau 15 peratus yang akan dilaksanakan secara berterusan sehingga tahun 2025.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, operasi haji bagi 1444H/2023M telah berjalan dengan baik dengan kerjasama semua pihak di Malaysia dan Arab Saudi dari peringkat perancangan dan persediaan sehingga ke peringkat pelaksanaan operasi. **TH** sentiasa melihat ke hadapan untuk menambahbaik perkhidmatan kepada jemaah haji melalui penilaian prestasi operasi haji dan perancangan teliti semua pihak yang terlibat.

TH needs to overcome these by applying strategic, systematic and innovative initiatives continuously as stated in this master plan. **TH** needs to always strive to maintain the recognition of world-class hajj services. This will ensure that **TH** remains in the hearts of the community with its commitment to implement inclusive hajj services for Malaysian pilgrims. With the execution of this commitment, **TH** will continue to be an institution respected for its achievements and effective governance which has been the main pillar of **TH**'s success and resilience.

Throughout 2023, a total of 41 programmes have been implemented based on five (5) cores, namely Core 1: Legislation and Governance, Core 2: Customers, Core 3: Services, Core 4: Guidance, and Core 5: Finance. As of 31 December 2023, a total of 35 programmes or 85 per cent achievement rate of the Blueprint has been reached, while six (6) more programmes or 15 per cent will be implemented continuously until 2025.

IN CLOSING

Overall, the hajj operation for 1444H/2023M was well executed with the cooperation from all parties in Malaysia and Saudi Arabia, from the planning and preparation stage to the operational implementation stage. **TH** always looks forward to improve its services to pilgrims through the performance evaluation of hajj operations and careful planning for all parties involved.



OBJEKTIF STRATEGIK Strategic Objective

03

PENGURUSAN DEPOSIT Deposit Management

Sejajar dengan hala tuju HIJRAH24, **TH** meneruskan langkah dan usaha memperkukuhkan lagi inisiatif-inisiatif transformasi bagi merealisasikan Penyampaian Perkhidmatan Efisien dan Pengalaman Terbaik Pendeposit.

In line with HIJRAH24, **TH** continues to step up efforts to further strengthen transformation initiatives towards Efficient Service Delivery and providing the Best Depositor Experience.

TH telah mempelopori pelbagai inisiatif, berkongsi pengalaman dan membangunkan aktiviti serta program untuk kepentingan pendeposit. Dalam suasana ekonomi negara dan global yang mencabar, **TH** berjaya merekodkan pencapaian kukuh dan teguh dalam mengoptimalkan perkhidmatan kepada pendeposit.

Inisiatif transformasi operasi diteruskan melalui rejuvenasi cawangan bagi memberi nilai tambah perkhidmatan kepada semua pihak berkepentingan. Ini bertujuan memastikan perkhidmatan **TH** terus kekal relevan dan berada pada landasan sewajarnya.

Bagi tahun 2023, THiJARI mengorak langkah ke hadapan dengan memperkenalkan perkhidmatan baharu seperti Pindahan eTelegrafik, **TH** Khairat, Mandatori Kemaskini Profil, Dashboard Saya dan Pendaftaran Haji Anak Bawah Jagaan.

TH has pioneered various initiatives, shared experiences and developed activities and programmes for the benefit of depositors. As such, even within a challenging national and global economic environment, **TH** managed to record strong and robust achievements in optimising services to depositors.

The operational transformation initiative is carried out through branch rejuvenation to provide added service value to all stakeholders. This aims to ensure that **TH** services continue to remain relevant and on the right track.

For the year 2023, THiJARI has taken a step forward by introducing new services such as eTelegraphic Transfer, **TH** Khairat, Mandatory Profile Update, My Dashboard and Hajj Registration of Dependent Children.



AInSA: Anugerah bagi projek atau inisiatif yang dilaksanakan sepenuhnya dan berimpak tinggi kepada rakyat, komuniti perniagaan dan negara

AInSA: Award for fully completed projects or initiatives that have a high impact on people, business community and the country



*THiJARI telah dinobatkan sebagai Penerima Terbaik Trek Sosial bagi Anugerah Inovasi Sektor Awam (AInSA) 2023 Through THiJARI, **TH** has been named the Best Recipient of the Social Track Award for Public Sector Innovation (AInSA) 2023*

ASPIRASI HIJRAH24 HIJRAH24 Aspirations



**Meningkatkan
Kemampuan Deposit**
Improving Deposit Sustainability



**Memperkasakan
Penyampaian Perkhidmatan**
Empowering Service Delivery



Memacu Pengalaman Digital
Driving Digital Experiences



9.15

Juta Pendeposit
Million Depositors

2022: 8.77 juta / million



RM89.00

Billion Deposit
Billion Deposits

2022: 87.60 billion / billion

TH melalui THiJARI telah dinobatkan sebagai Penerima Terbaik Trek Sosial bagi Anugerah Inovasi Sektor Awam (AINSA) 2023 pada 7 November 2023 di Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya (PICC) yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. Anugerah ini merupakan penghargaan besar buat TH dan menjadi pemangkin untuk TH terus memberikan perkhidmatan terbaik dan efisien secara dalam talian kepada semua 9.15 juta pen depositnya.

MENINGKATKAN KEMAMPANAN DEPOSIT DAN KESETIAAN PENDEPOSIT

Pada tahun 2023, transaksi elektronik atau transaksi atas talian terus menunjukkan peningkatan dan menjadi saluran utama untuk pen deposit melakukan urusan TH sama ada transaksi kewangan atau bukan kewangan.

Hubungan kerjasama dengan Rakan Strategik sedia ada terus dikukuhkan bagi menyediakan saluran dan perkhidmatan dalam talian yang efisien kepada pen deposit. Terbaru, perkhidmatan TH juga kini boleh diakses melalui Mobile Banking Bank-bank Rakan Strategik. Selain itu, TH juga terus mengekalkan tahap kawalan dalaman perkhidmatan setanding dengan pasaran bagi memastikan transaksi perkhidmatan dapat dilakukan oleh pen deposit dengan selamat dan berkesan.

Dalam masa yang sama, saluran lain seperti uniteller dan ejen kutipan terus dikekalkan bagi memberi pilihan atau saluran alternatif kepada pen deposit supaya lebih selesa dan mudah berurusan selain meningkatkan capaian perkhidmatan TH.

Through THiJARI, TH was awarded as the Best Recipient of the Social Track Award for Public Sector Innovation (AINSA) 2023 on 7 November 2023 at the Putrajaya International Conference Center (PICC) which was officiated by the Prime Minister of Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim. The award is a significant acknowledgement of TH's achievements, and will continue to move TH forward in providing optimum and efficient online services to all its 9.15 million depositors.

IMPROVING DEPOSIT SUSTAINABILITY AND DEPOSITORS' LOYALTY

In 2023, electronic or online transaction continue to increase, making them as main channels for depositors to conduct TH transactions, either financial or non-financial transactions.

Cooperation with existing Strategic Partners continues to be strengthened to provide efficient online channels and services to depositors. Most recently, TH services can be accessed through Mobile Banking Strategic Partners. In addition, TH also continues to maintain the level of internal control of this service comparable to the market to ensure that transactions can be carried out by depositors safely and effectively.

At the same time, other channels such as unitellers and collection agents are maintained to provide a host of alternative channels to depositors in order to cater to their ease and comfort in addition to increasing the reach of TH services.

10,000

Jumlah Titik Sentuh
Total Touchpoints

Transaksi Atas Talian
Online Transactions

16,119,778

2023

14,738,454

2022

Transaksi ATM & CDM
ATM & CDM Transactions

5,876,861

2023

6,365,882

2022

Transaksi TH Cawangan
TH Branches Transactions

3,950,487

2023

4,266,258

2022

Transaksi Uniteller
Uniteller Transactions

286,605

2023

279,589

2022

Transaksi Ejen Kutipan
Collection Agent Transactions

84,324

2023

131,416

2022

OBJEKTIF STRATEGIK Strategic Objective

03

PENGURUSAN DEPOSIT Deposit Management

Sebagai penghargaan kepada pendeposit **TH** yang kekal menabung bersama **TH**, **TH** telah meraikan pendeposit setia di Sambutan Ulangtahun ke-60 **TH** pada bulan September 2023 atas sokongan dan kepercayaan mereka terhadap **TH**.

Selain itu, pelan dan aktiviti pemasaran yang berkesan dan agresif turut dilaksanakan bagi mempromosi faedah menabung bersama **TH** kepada Agensi Kerajaan, sektor swasta dan universiti.

Sasaran utama adalah menambah bilangan penjawat awam untuk memiliki akaun **TH** dan menggalakkan mereka mendaftar untuk potongan gaji. Bagi mencapai misi ini, pada 2023, **TH** telah melaksanakan program berskala besar bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan agensi kerajaan lain untuk pembukaan akaun baharu, potongan gaji dan pendaftaran haji.

Bersempena Sambutan Ulang Tahun Ke-60, lebih 30 pakej umrah telah ditawarkan kepada pendeposit menerusi kempen-kempen yang menarik bagi menghargai kesetiaan mereka bersama **TH**. Hadiah pakej umrah dan wang tunai diberikan kepada pendeposit yang layak menerusi Kempen Setia & Menang yang telah menarik ramai komuniti Islam untuk terus menyimpan di **TH**.

As a way to appreciate **TH's** depositors that continuously saved with **TH**, **TH** has celebrated these loyal depositors during the 60th Anniversary Celebration in September 2023 to show our gratitude for their support and trust towards **TH**.

Furthermore, effective and aggressive marketing plans and activities have been implemented to promote the benefit of saving with **TH** to Government Agencies, private sector and universities.

The main target is to increase the number of depositors among civil servants and encourage them to register for salary deductions. To achieve this mission, in 2023, **TH** has held large-scale programmes with organisations such as the Malaysian Armed Forces (ATM), Royal Malaysian Police (PDRM), Public Higher Education Institutions (IPTA) and other government agencies for opening of new accounts, salary deductions and hajj registration.

In conjunction with **TH's** 60th Anniversary Celebration, more than 30 Umrah packages offered to depositors through series of attractive campaigns as a sign of gratitude to all loyal depositors. Prizes such as Umrah packages and cash were also given to eligible depositors through Setia & Menang Campaign which have attracted the Muslim community to continue saving with **TH**.



Pemenang Utama Kempen Setia & Menang yang menerima hadiah pakej umrah dan wang tunai
Grand Winner of the Setia & Menang Campaign who won an Umrah package and cash



Pemenang Kempen Setia & Menang yang menerima hadiah pakej umrah
Winner of the Setia & Menang Campaign who received an Umrah package

MEMPERKUKUKAN PENYAMPAIAN MAKLUMAT DAN PERKHIDMATAN MELALUI TRANSFORMASI PERKHIDMATAN

Pada tahun 2023, TH telah melaksanakan sepenuhnya inisiatif penggabungan atau penyatuan cawangan Fasa Ketiga melibatkan semua cawangan di Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Perkhidmatan TH (PPTH) di seluruh negara (kecuali PPTH Langkawi dan PPTH Labuan). Pelaksanaan ini menawarkan perkhidmatan yang lebih efisien dan mampu menyantuni lebih ramai pendeposit khususnya di kawasan luar bandar melalui pembukaan “Cawangan Bergerak”. Perkhidmatan secara langsung kepada pendeposit sentiasa dipertingkatkan dan dalam masa yang sama, inisiatif digitalisasi serta atas talian turut diperluaskan bagi kemudahan pendeposit.

Inisiatif ini melibatkan sejumlah 16 buah cawangan yang merangkumi lapan (8) buah Pejabat Cawangan di UTC dan lapan (8) buah Pusat Perkhidmatan TH (PPTH) di seluruh negara. Kaedah pelaksanaan penggabungan tersebut dilaksanakan secara berperingkat mengikut jadual perancangan yang bermula Jun 2022. Sejalan dengan inisiatif ini, aktiviti pemasaran dalam dan luar premis dapat diperkukuhkan selari dengan aspirasi yang digariskan dalam Pelan HIJRAH 24.

Cawangan Bergerak dilihat lebih berkesan dan secara efektif mengukuhkan lagi aktiviti-aktiviti promosi perkhidmatan TH. Inisiatif turun padang ke tempat awam memperlihatkan langkah proaktif TH menyantuni pendeposit dan mendapat sambutan baik daripada orang ramai.

Bagi menilai kualiti penyampaian perkhidmatan, TH menggunakan Indeks Kepuasan Pelanggan (IKP) sebagai rujukan atau penanda aras kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan TH. Pengukuran tahap kepuasan ini dibahagikan kepada perkhidmatan kaunter dan Tabung Haji Contact Centre (THCC). Indeks Kepuasan Pelanggan bagi tahun 2023 menunjukkan keputusan yang cemerlang dengan pencapaian 99.82% bagi perkhidmatan kaunter dan 100% bagi THCC. Ia menunjukkan TH sentiasa memastikan penyampaian perkhidmatan kepada pendeposit berada pada tahap yang terbaik.

STRENGTHENING DELIVERY OF INFORMATION AND SERVICES THROUGH SERVICE TRANSFORMATION

In 2023, TH has fully implemented the third phase of Branch Consolidation initiative involving all branches in the Urban Transformation Center (UTC) and TH Service Center (PPTH) throughout the country (except PPTH Langkawi and PPTH Labuan). Following the implementation, TH is able to offer efficient services and is able to accommodate more depositors, especially in rural areas through the opening of “Mobile Branches”. Direct services to depositors is constantly being improved and at the same time, digitalisation and online initiatives are expanded.

This initiative involves a total of 16 branches which include eight (8) Branch Offices in UTC and eight (8) Service Centers nationwide. The implementation was done in stages according to the schedule starting from June 2022. Furthermore, marketing activities inside and outside the premises can be further strengthened in line with the aspirations of HIJRAH24.

Mobile branches are seen to be more effective and they further strengthen TH service promotion activities effectively. The initiative showed TH's proactive steps to serve depositors and it received a positive response from the public.

To evaluate the quality of service delivery, TH uses the Customer Satisfaction Index (CSI) as reference or benchmark for customer satisfaction with TH services. Level of satisfaction is divided into counter services and Tabung Haji Contact Center (THCC). The CSI for 2023 shows excellent results with the achievement of 99.82% for counter services and 100% for THCC. This further cements TH's commitment to ensure service delivery to depositors is at its best level.

5	Pejabat TH Wilayah TH Regional Offices
14	Pejabat TH Negara TH State Offices
107	Pejabat TH Cawangan TH Branches

Jumlah Lokasi Cawangan Bergerak

Total Mobile Branch Locations

Bulan / Month	Jumlah Lokasi / No. of Locations
Januari / January	111
Februari / February	102
Mac / March	99
April / April	37
Mei / May	67
Jun / June	66
Julai / July	90
Ogos / August	87
September / September	98
Oktober / October	130
November / November	144
Disember / December	114
Jumlah / Total	1,145

Indeks Kepuasan Pelanggan

Customer Satisfaction Index

Perkhidmatan Kaunter
Counter Service **99.82%**

Jumlah Responden
Total of Respondents

2,276,964

2022 : 99.46% - 1,943,111

THCC
THCC **100%**

Jumlah Responden
Total of Respondents

25,718

2022 : 99.99% - 20,166
Responden / Respondents

OBJEKTIF STRATEGIK Strategic Objective


03

PENGURUSAN DEPOSIT Deposit Management

MELANGKAUI HAJI, KESEDIAAN MENDEPANI PENGALAMAN TRANSAKSI DIGITAL

THiJARI kini menjadi pilihan utama pendeposit untuk melakukan urusan **TH** di mana lebih daripada 2.7 juta pendeposit telah mendaftar sebagai pengguna THiJARI. Transaksi pindahan wang menunjukkan peningkatan pindahan daripada **TH** ke **TH** dengan mencatatkan lebih 1.3 juta transaksi dengan jumlah lebih RM873 juta. Terimaan deposit melalui platform FPX sebanyak 2,022,352 transaksi dengan jumlah RM1.37 billion. Manakala, transaksi deposit melalui JomPAY mencatatkan 723,957 transaksi dengan jumlah RM528 juta.

Pengguna THiJARI & Transaksi Mengikut Tahun THiJARI users and Transactions By Year



TH juga telah menyediakan perkhidmatan Pindahan eTelegrafik dan eForm melalui THiJARI bagi memenuhi keperluan pendeposit yang kini lebih selesa dengan perkhidmatan atas talian.

Selain itu, bagi melestarikan perkhidmatan berinovasi, THiJARI telah memberikan kemudahan urusan jemaah haji antaranya membuka permohonan rayuan haji melalui THiJARI di mana sebanyak 85,930 permohonan rayuan haji telah diterima. THiJARI juga dimanfaatkan oleh jemaah haji bagi kemudahan terimaan tawaran haji.

Bagi membantu jemaah haji, perkhidmatan bayaran Dam dibuat melalui THiJARI dan sebanyak 23,625 transaksi telah berjaya dilakukan yang melibatkan jumlah keseluruhan RM17,128,125. Begitu juga peningkatan transaksi Qurban yang dilaksanakan di tanah suci yang turut mendapat sambutan baik daripada pengguna THiJARI dengan 13,858 permohonan Qurban berjumlah RM12,472,200 telah berjaya dilaksanakan melalui THiJARI.

BEYOND HAJJ, READINESS TO FACE DIGITALLY DRIVEN TRANSACTION EXPERIENCES

THiJARI is now the primary choice of depositors to conduct **TH** transactions with more than 2.7 million depositors registered as THiJARI users. Money transfers show an increase in **TH** to **TH** transactions by recording over 1.3 million transactions with a total amount of over RM873 million. Deposits generated from the FPX platform amounted to 2,022,352 transactions with a total of RM1.37 billion. Meanwhile, deposit transactions through JomPAY recorded 723,957 transactions with a total of RM528 million.

TH has also provided eTelegraphic Transfer and eForm services through THiJARI to meet the expectations of depositors who are now more comfortable with online services.

In order to enhance these innovative services, THiJARI has provided convenience for hajj pilgrims such as hajj appeal applications through THiJARI, where a total of 85,930 applications were received. THiJARI was also used by hajj pilgrims to accept hajj offers.

To further assist hajj pilgrims, Dam payment services is available through THiJARI and a total of 23,625 transactions have been successfully completed involving a total of RM17,128,125. Similarly, there was an increase in Qurban transactions carried out in the Holy Land. This service received good response from THiJARI users whereby 13,858 Qurban applications with a total of RM12,472,200 were successfully transacted through THiJARI.

Satu lagi pencapaian penting **TH** ialah apabila **TH Khairat** telah dilancarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Mokhtar pada 11 September 2023. **TH Khairat** merupakan pelan sukarela yang menawarkan perlindungan Takaful asas sebanyak RM12,000 sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh dengan langganan tahunan serendah RM28 melalui pendaftaran di platform THiJARI. Setakat 31 Disember 2023, 35,322 pendaftaran telah diterima dan pelan takaful ini menerima sambutan yang baik daripada pendeposit selain mereka turut boleh menyumbang sebahagian daripada perlindungan Takaful tersebut sebanyak RM2,000 untuk tujuan infaq.

Another significant milestone for **TH** was the launch of **TH Khairat** on 11 September 2023 by the Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs), YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Mokhtar. **TH Khairat** is a voluntary plan that offers a basic Takaful cover of RM12,000 in the event of death or permanent and total disability with an annual subscription as low as RM28, via convenient registration through the THiJARI platform. As of 31 December 2023, 35,322 registration have been accepted and this takaful plan has seen good acceptance by depositors as they can also contribute RM2,000 of the Takaful money for the purpose of infaq.



Pelancaran **TH Khairat** disempurnakan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
The launch of **TH Khairat** was completed by YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Mokhtar, Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs)

Transaksi di THiJARI / THiJARI Transactions

<p>Ringkasan Akaun Semak baki akaun & cetakan penyata Mini Account Summary Check account balance & print mini statement</p>	<p>TH Khairat Pendaftaran, semak status, kemaskini dan muat turun borang tuntutan TH Khairat Registration, Check status, Update and download claim form</p>	<p>Perkhidmatan Haji Daftar, rayuan, semak status, semak tawaran, surat jadual penerbangan, Dam dan lain-lain Haji Services Register, appeal, check status and offers, flight schedule letters, Dam and more</p>
<p>Pindahan akaun TH ke akaun TH melalui FPX TH Account to TH Account transfers via FPX</p>	<p>Penamaan/Hibah Amanah Semak Penama/Waris Nomination/Hibah Amanah Check Nominees/Beneficiaries</p>	<p>Qurban Pembayaran Ibadah Qurban Qurban Payment of Qurban</p>
<p>Kelab TaHa Semak nombor keahlian Kelab TaHa Kelab TaHa Check Kelab TaHa membership number</p>	<p>Pembukaan Akaun Kanak-kanak Buka akaun anak dibawah jagaan Account Opening For Children Account opening for children under care</p>	<p>Agihan Potongan Gaji Semak/tetapkan agihan Distribution of Salary Deductions Check/set distribution</p>
<p>Sadaqah Kepada TKJHM/TWT Sadaqah Towards TKJHM/TWT</p>	<p>Pendaftaran THiJARI / THiJARI Registration 649,730 Pengguna Baharu New Users menjadikan jumlah keseluruhan 2.70 juta pengguna making a total of 2.70 million users</p>	



Peningkatan Transaksi / Increased Transactions

2.70 juta pengguna
million users
dengan lebih **78** juta / million
with over
transaksi telah direkod sejak 2020.
transactions have been recorded since 2020.

Transaksi Sadaqah juga meningkat kepada
Sadaqah transactions also increased to **25,333**
dengan jumlah terkumpul
transactions with a cumulative total of
RM1.68 juta pada 2023.
million in 2023.



Kemudahan Haji / Hajj Facilities

Seramai **31,600**
A total of
orang jemaah haji
hajj pilgrims



Kenaikan 35%
Increase
Rayuan Haji
Hajj Appeals

2023 menerima tawaran haji melalui terimaan tawaran haji di THiJARI / received hajj offers through THiJARI hajj offer acceptance in 2023

dilakukan di THiJARI berbanding 2022.
were made through THiJARI compared to 2022.

OBJEKTIF STRATEGIK Strategic Objective



MODAL INSAN Human Capital

PEMERKASAAN AL-FALAH TH

TH merupakan sebuah institusi Islam yang terulung dalam Negara dan dihormati di seluruh dunia khususnya dalam proses pengendalian Pengurusan Jemaah Haji. Penerapan slogan “Hayya ‘Alal Falah” pada logo **TH** telah menjadi pemangkin semangat buatarganya.

EMPOWERING TH's AL-FALAH

TH is a well respected Islamic institution in the country and around the world, particularly in hajj management. The application of the slogan “Hayya ‘alal Falah” onto the **TH** logo has become a catalyst of enthusiasm for our workforce.

Bagi mendukung slogan tersebut, **TH** memandang serius dan usaha untuk menzahirkan “Hayya ‘Alal Falah” kepada semua warga kerjanya terus diperkasakan seiring dengan usaha melestarikan misi **TH**.


Selain itu, Pengurusan **TH** juga telah menggariskan 24 inisiatif yang terangkum dalam HIJRAH24. Daripada 24 inisiatif tersebut terdapat dua (2) inisiatif yang berkaitan dengan nilai Al-Falah iaitu inisiatif berkaitan Rangka Kerja Keupayaan Al-Falah dan Budaya Kerja Al-Falah.

Jabatan Modal Insan (JMI) telah diberikan mandat dan kepercayaan untuk mengaturkan aktiviti melibatkan program latihan, program kesedaran, penilaian dan perancangan modul bagi memastikan inisiatif HIJRAH24 seperti yang disasarkan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Budaya Kerja Al-Falah **TH** adalah salah satu inisiatif yang dibangunkan untuk dijadikan amalan bagi setiap warga kerjanya agar visi dan misi yang ditetapkan dapat direalisasikan.

In order to live up to this slogan, **TH** has taken concerted steps to embed the character of “Hayya ‘Alal Falah” within all employees in line with strengthening efforts to preserve **TH**'s mission.

In addition, **TH**'s Management has also outlined 24 initiatives that are summarised in HIJRAH24. Of the 24 initiatives, there are two (2) initiatives related to Al-Falah values, namely the Al-Falah Capability Framework and the Al-Falah Workforce Culture.

Human Capital Department (HCD) has been given the responsibility to organize activities training programmes, awareness programmes, assessments and module planning to ensure that the HIJRAH24 initiative is implemented successfully. The Al-Falah Workforce Culture is an initiative that every **TH** employee should practice to achieve the established vision and mission.



Dalam memperkasakan budaya Al-Falah di **TH**, JMI giat melaksanakan pelbagai inisiatif secara terancang dan berkesan agar setiap inisiatif ini mampu memberi impak positif kepada modal insan itu sendiri khasnya organisasi **TH** dan kumpulan amnya.

Terdapat lima (5) segmen yang menjadi tiang penggerak bagi memastikan budaya Al-Falah dapat diterjemahkan dalam sanubari warganya. Kelima-lima segmen ini diaplikasikan melalui pelaksanaan aktiviti atau program yang dilaksanakan sepanjang 2023 merangkumi keseluruhannya sebanyak 246 program antaranya:

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Segmen pertama ini merupakan program yang memberi impak utama dalam pembentukan sahsiah warga **TH**. Pelbagai aktiviti berbentuk latihan dan kesedaran dilaksanakan khususnya dalam memastikan warganya memahami penghayatan sebenar slogan “*Hayya ‘Alal Falah*”. Berikut adalah data pelaksanaan program Pembangunan Insan yang berjaya dilaksanakan sepanjang 2023:

In empowering the Al-Falah culture at **TH**, HCD actively implements various initiatives in a well-planned and effective manner to have a positive impact to our human capital, in particular **TH** and **TH** Group.

There are five (5) segments that are the driving force to ensure that the Al-Falah culture is ingrained into **TH** workforce. These segments are applied through activities and programmes carried out throughout 2023, which includes a total of 246 programmes as follows:

HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT

This first segment is a programme that has a major impact on the formation of the character of **TH** employees. Various activities in the form of training, awareness and understanding are carried out, especially to ensure that management and employees understand the real meaning of the slogan “*Hayya ‘Alal Falah*”. The following programme, with indicated participation, were implemented throughout 2023:

Bil. / No.	Nama Program / Programme Title	Penglibatan / Participation	Catatan / Scope
1.	Program Sahsiah Unggul (PSU 1.0)	358 Warga TH / Employees	9 Siri / Series
2.	Program Kepimpinan Al-Falah (Secara dalam talian) / (Online)	223 Warga TH / Employees	3 Siri / Series
3.	Kursus Kepimpinan Al-Falah (KKAF 2.0)	249 Warga TH / Employees	3 Siri / Series
4.	Kursus Kepimpinan Profesional Mukmin (K2PM)	128 Warga TH Ibu Pejabat Warga TH HQ	2 Siri / Series
5.	Program Tahsin Qiraah	432 Warga TH / Employees	36 Kelas / Classes
6.	Program Liqa Mahabbah Al-Falah bersama Pengurusan TH	89 Pengurusan TH Management Personnel	2 Siri Setahun Series Annually
7.	Kursus Bahasa Arab Al-Falah bersijil	35 Warga TH / Employees	12 Jam Kredit Credit Hours
8.	Tausiyah Al-Falah (Setiap pagi Jumaat) secara dalam talian (Every Friday morning) Online	Hampir 300 Warga TH sertai setiap siri About 300 employees for each series	152 Siri / Series

OBJEKTIF STRATEGIK
Strategic Objective

04

MODAL INSAN
Human CapitalKURSUS KEPIMPINAN PROFESIONAL MUKMIN
Kepimpinan Professional Mukmin CourseJabatan Kewangan Kumpulan TH
TH Group Finance DepartmentAvillion Hotel
19-21 Ogos / August
202379
Warga JKK
Departmental
employeesUjian pra
Pre-test
63%Ujian pasca
Post-test
87%PROGRAM SAHSIAH UNGGUL (PSU)
Sahsiah Unggul ProgrammeWarga Ibu Pejabat TH (Kump. 3)
TH Headquarters Employees (Group 3)Royale Chulan Hotel,
Damansara
28 & 29 Oktober
October 202332
Warga TH
Ibu Pejabat
TH Headquarters
employeesUjian pra
Pre-test
67%Ujian pasca
Post-test
89%KURSUS BAHASA ARAB BERSIJIL (PERINGKAT ASAS)
Certified Arabic Language Course (Basic Level)Warga Ibu Pejabat TH
(Kump. 3)
TH Headquarters Employees
(Group 3)MS Teams
18 & 26 Oktober
October 202330
Warga TH
TH employees

Program kursus bahasa Arab bersijil peringkat asas bekerjasama dengan USIM menawarkan pembelajaran intensif bagi peserta untuk memperoleh kecekapan asas dalam berbahasa Arab. Kursus ini dirancang khas dengan penekanan pada kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Sijil yang diberikan setelah menamatkan program ini diiktiraf oleh USIM, memperkukuhkan kemahiran bahasa Arab peserta sebagai asas untuk pengajian lanjutan atau kegunaan dalam pelbagai konteks.

The basic level certified Arabic language course programme held in collaboration with USIM offered all participants intensive learning modules in acquiring basic Arabic proficiency. This course is specially designed with an emphasis on listening, speaking, reading, and writing skills. The certificate awarded after completing this programme is recognised by USIM, strengthening the participants' Arabic language skills as a basis for further studies or use in various contexts.

PROGRAM KEPIMPINAN AL-FALAH ONLINE SIRI 13
Al-Falah Online Leadership Programme Series 13

Warga TH / TH Employees

MS Teams
18 & 26 Oktober
October 202340
Warga TH
TH employeesUjian pra
Pre-test
65%Ujian pasca
Post-test
90%

KESEJAHTERAAN WARGA TH

Segmen kedua menekankan elemen Kesejahteraan Psikologi warga **TH** yang perlu diberi keutamaan dalam membangunkan modal insan yang seimbang dari segi pemikiran, emosi, tingkah laku dan kerohanian agar dapat beradaptasi segera dengan perubahan.

Dalam segmen ini, Unit Psikologi & Kaunseling telah melaksanakan **57 program sepanjang tahun 2023** yang merangkumi program berkaitan kesejahteraan psikologi dan kesihatan mental meliputi *wellness mental health talk*, sesi kaunseling dan aktiviti kesejahteraan warga **TH**. Program yang dilaksanakan ini dinilai pada tahap cemerlang dengan purata penilaian tahap kepuasan peserta sebanyak 97.4%. Program ini menyokong HIJRAH24 iaitu inisiatif ke-16 perkara budaya Al-Falah – Kesejahteraan Mental & Pemerkasaan Kesejahteraan Psikologi.

KEMASYARAKATAN

Segmen ketiga adalah satu inisiatif yang memastikan budaya Al-Falah **TH** turut diterjemahkan melalui libat urus bersama masyarakat luar melalui aktiviti sosial dan kebajikan. Sebanyak 10 aktiviti kemasyarakatan dilaksanakan sepanjang 2023.

WELL-BEING OF TH EMPLOYEES

The second segment emphasises the element of Psychological Well-Being that needs to be given priority in developing resilient human capital that is balanced across rational, emotional, behavioral, and spiritual aspects, in order to be able to adapt well to change. This supports the Mental Well-Being & Psychological Well-Being Empowerment cultural initiatives of Al-Falah.

A total of **57 programmes** were carried out **throughout the year 2023**, which included programmes relating to psychological well-being and emotional well-being including a mental wellness health talk, counseling sessions and well-being activities for **TH** employees. These programmes, received an average evaluation of 97.4% participant satisfaction level which is deemed excellent. These programmes supports HIJRAH24 through its 16th Al-Falah cultural initiative, Mental Wellbeing & Psychological Wellbeing Empowerment.

SOCIETY

The third segment ensures that **TH's** Al-Falah culture is also translated through engagement with the community through social and welfare activities. A total of 10 community activities were implemented throughout 2023.



98%

DINILAI SEBAGAI
CEMERLANG & BAIK
Rated as Excellent &
Satisfactory

219

ORANG PESERTA
Participants

OBJEKTIF STRATEGIK Strategic Objective

04

MODAL INSAN Human Capital

PUSAT ILMU

Segmen keempat adalah salah satu proses untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dalam mewujudkan budaya Al-Falah yang berkualiti. Sepanjang 2023 sebanyak 98 program dilaksanakan melalui aktiviti berbentuk forum, daurah kitab, kuliah marathon dan sebagainya.

KNOWLEDGE CENTRE

The fourth segment focuses on improving knowledge in creating a quality Al-Falah culture. Throughout 2023, a total of 98 Programme were implemented through activities in the form of forums, *daurah kitab*, marathon lectures and other such events.



PROGRAM CSR MOSQUE 2 MOSQUE (M2M) DENGAN KERJASAMA TH SABAH

Mosque 2 Mosque (M2M) CSR Programme
in Collaboration with TH Sabah

22 September / September 2023
Surau al-Falah, Nabawan, Sabah

Jumlah Sumbangan
Total Contribution **RM10,000.00**

Penglibatan seramai 150 org penduduk Kampung Murni C, Nabawan dan 20 warga TH Sabah dan 5 wakil JMI & Surau Tabung Haji. Antara program yang dilaksanakan Surauku Ceria, Kenduri Sekampung, Sumbangan Asnaf dan Kaunter Bergerak TH.

This event saw the involvement of 150 people from Kampung Murni C, Nabawan and 20 people from TH Sabah alongside 5 representatives of HCD & Surau Tabung Haji. The programmes implemented in this initiative are Surauku Ceria, Kenduri Sekampung, Asnaf Donation and TH Mobile Counter.

PROGRAM FORUM 60 MINIT SEMPERNA SAMBUTAN 60 TAHUN TH

60 Minute Forum in Conjunction with
TH's 60th Anniversary

14 Lokasi Masjid di Seluruh
Malaysia
Mosque Locations throughout
Malaysia

Kos Keseluruhan
Overall Cost **RM140,000.00**

Program Forum 60 Minit sempena sambutan 60 tahun TH bertujuan menyediakan platform perbincangan yang mendalam mengenai pencapaian dan cabaran yang dihadapi oleh TH selama enam dekad. Forum ini akan membincangkan sejarah, impak, dan masa depan TH dalam konteks perubahan landskap ekonomi dan sosial negara. Melalui dialog pakar dan pemangkin pemikiran, program ini diharapkan mampu memberi wawasan khusus kepada pihak berkepentingan tentang peranan dan sumbangan TH dalam masyarakat dan ekonomi Malaysia.

The 60-Minute Forum Programme that was held in conjunction with TH's 60th anniversary celebration aimed to provide a platform for in-depth discussion on the achievements and challenges faced by TH over the past six decades. This forum discussed the history, impact, and future of TH in the context of the changing economic and social landscape of the country. Through expert dialogue and mindset enablement, this programme is able to provide specific insights to stakeholders about the role and contributions of TH for the Malaysian society and economy.

PROGRAM MAJLIS ILMU MADANI BERSAMA YB MENTERI Majlis Ilmu Madani Programme with YB Minister

Masjid Al-Najihin, Bandar Sri Permaisuri
30 November / November 2023

Program Majlis Ilmu Madani adalah usaha untuk meningkatkan pemahaman keagamaan dan moral dalam kalangan masyarakat. Melalui pelbagai majlis ilmu, inisiatif ini bertujuan memperkukuh nilai-nilai keislaman, kearifan tempatan, dan membentuk masyarakat yang beretika. Dengan melibatkan ulama dan cendekiawan, Majlis Ilmu Madani berusaha menyediakan platform pembelajaran yang mendalam dan memberdayakan komuniti secara menyeluruh.

The *Majlis Ilmu Madani* Programme is an effort to improve religious and moral understanding amongst the Muslim community. Through the sharing of varied knowledge, this initiative aims to strengthen Islamic values, local wisdom, and form an ethical society. By involving scholars, the *Majlis Ilmu Madani* strives to provide an in-depth learning platform and empower the community as a whole.

KERJASAMA KORPORAT

Segmen kelima ini memfokuskan pembentukan budaya Al-Falah melalui pelaksanaan program bersama warga subsidiari **TH**. Sepanjang 2023, sebanyak lapan (8) program berjaya dilaksanakan bersama warga subsidiari **TH** dan agensi luar.

TH kini sedang berusaha melaksanakan beberapa inisiatif untuk memperkasakan budaya Al-Falah. Inisiatif ini dirangka untuk membawa impak positif kepada modal insan itu sendiri, serta kepada **TH** dan Kumpulan **TH** secara keseluruhan.

CORPORATE COLLABORATIONS

The fifth segment focuses on the formation of the Al-Falah culture through the implementation of programmes with **TH** subsidiaries. Throughout 2023, a total of eight (8) programmes were successfully implemented with **TH** subsidiaries and external agencies.

TH is currently working on implementing several initiatives to strengthen the culture of Al-Falah. These initiatives are designed to carry a positive impact on the human capital itself, as well as **TH** and **TH** Group as a whole.

LAWATAN MAHABBAH YAYASAN SOFA

Mahabbah Visit with Yayasan Sofa

Bilik Mesyuarat Lantai 26, Lembaga Tabung Haji 01 Ogos / August 2023 **3** Wakil dari Yayasan Sofa **TH** Head Office Members 

Perbincangan dengan Yayasan Sofa adalah untuk membicarakan rencana dan usaha yang dapat meningkatkan nilai dan kesejahteraan warga **TH**. Di samping itu, perbincangan ini juga bertujuan untuk menjalin kerjasama dengan institusi Islam lain di Malaysia, dengan harapan dapat memperkuat kerjasama korporat antara **TH** dan institusi tersebut. Melalui kolaborasi ini, diharapkan akan tercipta sinergi yang saling menguntungkan dalam rangka mengeratkan hubungan antara kedua belah pihak serta berkontribusi pada pembangunan komuniti Muslim dan masyarakat secara keseluruhan.

A discussion session was held with Yayasan Sofa to explore plans and efforts that increase the value and wellbeing of **TH** employees. In addition, this discussion also aimed at establishing cooperation with other Islamic institutions in Malaysia, with the hopes of strengthening corporate coordination between **TH** and these institutions. Through this collaboration, it is hoped that a mutually beneficial synergy will be created in order to strengthen the relationship between both parties and contribute to the development of the Muslim community and society as a whole.



OBJEKTIF STRATEGIK Strategic Objective

04

MODAL INSAN Human Capital

PROGRAM WARGA TH SIHAT

'Ke Arah Warga **TH** Sihat' merupakan misi dan harapan agar semua warga **TH** sihat dengan adanya program-program berbentuk sukan dan kesihatan. **TH** amat mengalu-alukan dan menggalakkan penganjuran sukan di semua peringkat sama ada peringkat jabatan atau organisasi.

Lebih 20 program kesihatan dan sukan telah dijalankan sepanjang tahun 2023, dimulakan dengan Hari Kesihatan **TH** pada awal Januari. Kempen Derma Darah Tahunan **TH** juga dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Darah Negara. Selanjutnya, program **TH** Bersenam yang diadakan setiap bulan juga antara aktiviti riadah selepas waktu bekerja.

Selanjutnya, bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun 60 Tahun **TH**, beberapa aktiviti sukan yang menarik seperti aktiviti mendaki gunung dan program kayuhan basikal diperkenalkan kepada anggota **TH**. Antara aktiviti yang menarik adalah seperti kejohanan boling dan karom antara jabatan.

Pada tahun 2023 **TH** telah menyertai dua (2) kejohanan besar di peringkat luar iaitu Kejohanan Sukan Badan Berkanun (SUKANUN) di Arau, Perlis dan Kejohanan Sukan Ijtimak Perdana Agensi Agama Seluruh Malaysia (IJPAM) tahun 2023 yang diadakan Kota Kinabalu, Sabah.

Aktiviti sukan dan kesihatan ini dapat menerapkan budaya hidup sihat di kalangan warga **TH**. Melalui ini juga, ianya sudah pasti dapat merapatkan hubungan warga **TH** di samping itu menerapkan nilai teras kerja berpasukan. Selain daripada aktiviti sukan, **TH** juga meningkatkan kesedaran tentang penjagaan kesihatan dengan mengadakan sesi webinar secara atas talian setiap bulan kepada semua warga kerja **TH**. Program "Wellness Talk" ini menjemput pakar-pakar kesihatan untuk mengupas isu-isu berkaitan penjagaan kesihatan.



TH WELLNESS EMPLOYEES PROGRAMS

'Towards Healthy **TH** Employees' is to promote health and wellness among all **TH** employees through sports and fitness programme. **TH** strongly encourages and supports all levels of sports activities at both the departmental and organisational levels.

More than 20 wellness and sports events were carried out throughout the year, kicking off with the *Hari Kesihatan TH* 2023, which was organised in early January. **TH**'s Annual Blood Donation Campaign was also carried out in collaboration with the National Blood Centre. Further, the monthly *TH Bersenam* programme is an after-work recreational activity provided within **TH**.

In conjunction with **TH**'s 60th Anniversary Celebration, more exciting sporting activities such as mountain climbing activities and cycling programmes were organised for **TH** employees during the year. Among many interesting activities are inter-department tournaments such as bowling and carom.

In 2023, **TH** participated in two (2) major tournaments namely the *Badan Berkanun Sports Tournament (SUKANUN)* in Arau, Perlis and the 2023 *Ijtimak Perdana Agensi Agama Seluruh Malaysia (IJPAM)* sports tournament held in Kota Kinabalu, Sabah.

These sports and health activities can help cultivate a healthy lifestyle culture amongst **TH** employees. These programmes strengthen the relationship between **TH** employees and instill **TH**'s core value of teamwork. The sports activities increases awareness about healthcare through online webinar session every month for all **TH** employees. During this Wellness Talk programme, health experts were invited to discuss issues relating to specific healthcare topics.



AKTIVITI SUKARELAWAN TH

Aktiviti sukarelawan merupakan perkara yang telah menjadi sinonim dengan warga kerja **TH** dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Warga kerja **TH** sentiasa bersiap sedia untuk memberi sumbangan bukan hanya dalam bentuk kewangan tetapi juga sumbangan tenaga kerja dalam membantu golongan yang memerlukan.

Pada tahun 2023, beberapa aktiviti sukarelawan telah dilaksanakan. Sempena Ulang Tahun 60 Tahun **TH**, **TH** telah melaksanakan program “CSR On Wheels” di tiga (3) lokasi berikut:

1. Pusat Jagaan Mahmudah, Semenyih, Selangor iaitu sebuah pusat jagaan swasta kelolaan sebuah badan bukan kerajaan yang menjaga kebajikan warga emas dan orang kelainan upaya. Program ini telah dilaksanakan pada 18 Mac 2023 melibatkan penyertaan seramai lebih kurang 50 orang Sukarelawan **TH** dengan kerjasama pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) seramai 10 orang.
2. Al Madrasah Al Fathoniyyah Lil ‘Ulum Ad Diniyyah (MAFAD), Chendering, Kuala Terengganu iaitu sebuah pusat tahfiz swasta yang mempunyai pelajar lebih kurang 20 orang yang memerlukan bantuan kewangan untuk kelangsungan pembelajaran dan kehidupan seharian. Program ini yang diadakan pada 16 September 2023 dengan kehadiran lebih kurang 100 orang sukarelawan **TH** daripada Ibu Pejabat **TH**, **TH** Negeri Kelantan, **TH** Negeri Terengganu dan **TH** Negeri Pahang yang diketuai oleh Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, YBrs. Tuan Syed Hamadah bin Syed Othman.
3. Masjid Melayu Lebuah Acheh, Pulau Pinang iaitu sebuah masjid warisan yang telah dibina pada tahun 1808. Masjid ini merupakan lokasi pertama bakal jemaah haji daripada Tanah Melayu ketika itu untuk berangkat melalui kapal laut ke Tanah Suci untuk menunaikan fardhu haji. Program ini diadakan pada 28 Oktober 2023 yang melibatkan penyertaan lebih kurang 100 orang sukarelawan **TH** daripada Ibu Pejabat **TH**, **TH** Negeri Perlis, **TH** Negeri Kedah dan **TH** Negeri Pulau Pinang yang diketuai oleh Tuan Haji Mohd Norber bin Kassim (Pengurus Besar Strategik Modal Insan Menanggung Tugas Ketua Pegawai Modal Insan) ketika itu. Turut hadir adalah Pengarah Eksekutif Haji, YBhg. Dato’ Sri Syed Saleh bin Syed Abdul Rahman.

TH VOLUNTEERISM

Volunteer activities have become synonymous with **TH** employees in recent years. Volunteerism does not only benefit **TH** employees by providing channels where they can support communities in need, but also building trust and awareness that **TH** as an Islamic organisation that is socially responsible and cares for all stakeholders.

In 2023, numerous volunteer activities were carried out. In conjunction with **TH**’s 60th Anniversary, **TH** organised “CSR On Wheels” programme at the following three (3) locations:

1. Pusat Jagaan Mahmudah, Semenyih, Selangor a private care center managed by a non-governmental organisation (NGO) that takes care of the welfare of the elderly and people with disabilities. The programme implemented on 18 March 2023 involving approximately 50 **TH** Volunteers with the cooperation of 10 students from Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
2. Al Madrasah Al Fathoniyyah Lil ‘Ulum Ad Diniyyah (MAFAD), Chendering, Kuala Terengganu a private tahfiz centre with approximately 20 students that need financial assistance for their education and daily living expenses. This programme was held on 16 September 2023 with the participation of approximately 100 **TH** volunteers from **TH** Headquarters, **TH** Negeri Kelantan, **TH** Negeri Terengganu and **TH** Negeri Pahang led by the Group Managing Director and Chief Executive Officer of **TH**, YBrs. Tuan Syed Hamadah bin Syed Othman.
3. Masjid Melayu Lebuah Acheh, Penang a heritage mosque that was built in 1808. This mosque was the first location for prospective hajj pilgrims from Malaysia at that time to sail to the Holy Land to fulfill their hajj obligation. This programme was held on 28 October 2023 involving the participation of approximately 100 **TH** volunteers from **TH** Headquarters, **TH** State of Perlis, **TH** State of Kedah and **TH** State of Pulau Pinang led by Tuan Haji Mohd Norber bin Kassim (Strategic General Manager of Human Capital taking on the duties of Chief Human Capital Officer). Also present was the Hajj Executive Director, YBhg. Dato’ Sri Syed Saleh bin Syed Abdul Rahman.

OBJEKTIF STRATEGIK Strategic Objective

04

MODAL INSAN Human Capital

Penglibatan warga kerja **TH** di seluruh Malaysia juga dapat dilihat dalam program Infaq Ramadhan 1444H. Pemberian sumbangan asas seperti beras, gula, tepung, minyak masak dan lain-lain barang keperluan dapur kepada penerima seramai hampir 300 orang dalam kategori miskin bandar merentasi tiga (3) lokasi - Surau Andika, Setiawangsa pada 30 Mac 2023, Masjid Al-Falah, Ulu Yam, Selangor pada 5 April 2023 dan Masjid Al Muqarrabin, Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur.

Pasukan Sukarelawan **TH** juga turut terlibat dalam sumbangan tenaga kerja untuk membersihkan rumah-rumah warga **TH** yang terkesan dengan hujan lebat dan banjir di Lembah Klang, Terengganu dan Selangor. Selain aktiviti pembersihan rumah, Pasukan Sukarelawan **TH** juga melaksanakan aktiviti ziarah dan memberikan sokongan moral serta bantuan kewangan kepada warga **TH** lain yang terkesan banjir.

Pada 20 hingga 22 Disember 2023, Kursus Asas Pertahanan Awam Khas Pasukan Sukarelawan **TH** Tahun 2023 julung-julung kali diadakan bertempat di Akademi Latihan Pertahanan Awam Malaysia (ALPHA), Bangi yang dihadiri seramai 31 daripada 181 orang anggota **TH** yang secara sukarela memberikan nama untuk menyertai Pasukan Sukarelawan **TH**.

TH employees throughout Malaysia was also seen in the Infaq Ramadhan 1444H programme. Contributions were of essential daily necessities such as rice, sugar, flour, cooking oil and other daily necessities were contributed to almost 300 urban poor recipients across three (3) locations - Surau Andika, Setiawangsa on 30 March 2023, Al-Falah Mosque, Ulu Yam, Selangor on 5 April 2023 and Al Muqarrabin Mosque, Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur.

The **TH** Volunteer Team was also involved in cleaning the homes of **TH** employees affected by heavy rain and flooding in Klang Valley, Terengganu and Selangor. The **TH** Volunteer Team visited and provided moral support as well as financial assistance to other **TH** employees who were affected by the flood.

On 20 to 22 December 2023, the 2023 Special Basic Civil Defense Course for the **TH** Volunteer Force was held for the first time at the Malaysian Civil Defense Training Academy (ALPHA), Bangi attended by 31 **TH** volunteers out of 181 **TH** registered **TH** Volunteers.



PROGRES PERANCANGAN PENGGANTIAN (IDP)

Antara bulan Mac hingga September 2023, pelbagai aktiviti dan sesi libat urus bersama Ketua Jabatan dan Bahagian (HOD) telah dijalankan. Senarai aktiviti disenaraikan di bawah:

PROGRESS OF SUCCESSION PLANNING

Between March to September 2023, various activities and engagement sessions with the Head of Departments and Divisions (HODs) were conducted. The list of activities is listed below:

Bil. / No.	Jawatan Kritikal Misi (MCP)	Jawatan Kritikal Operasi (OCP)
1.	Semak Senarai Pencalonan Semasa Jawatan Kritikal Misi (MCP) dan Jawatan Kritikal Operasi (OCP) dan menjemput pencalonan tambahan. <i>Review Mission Critical Position (MCP) and Operational Critical Position (OCP) current nomination list and invite additional nominations.</i>	
2.	<ul style="list-style-type: none"> Calon baharu MCP menjalani temuduga berdasarkan penilaian dan kompetensi secara dalam talian dari April hingga Jun. Calon OCP baharu menjalani penilaian dalam talian dari April hingga Jun. Menyemak keputusan penilaian dan kesediaan calon dari bulan Mei hingga Julai. <i>New MCP nominees undergo online assessment and Competency Based Interviews from April to June.</i> <i>New OCP nominees undergo online assessment from April to June.</i> <i>Review nominees' assessment results and readiness from May until July.</i> 	
3.	Menjalankan penilaian potensi dan penarafan fungsi untuk calon OCP sedia ada dan baru. <i>Conduct potential assessment and functional rating for the existing and new nominees of OCP.</i>	
TH telah terlibat secara aktif dalam merealisasikan pelaburan strategiknya di dalam sektor perladangan sejak tahun 1972. **TH** merupakan pemegang saham terbesar TH Plantations Berhad (THP) yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia Berhad sejak tahun 2006 dan secara kolektif kesemua unit perladangan tersebut dikenali sebagai TH Plantation Group (Kumpulan THP).

Kumpulan THP meneruskan keupayaannya dalam pembangunan dan pengurusan ladang kelapa sawit, pemprosesan dan penjualan minyak sawit dan isirong sawit di Malaysia dan Indonesia. Selain itu, ia juga terlibat dalam perladangan getah dan jati di Sabah.

Kumpulan THP kini memiliki 97,781 hektar bank tanah terdiri daripada 31 ladang kelapa sawit, 7 ladang getah & Jati dan 6 Kilang Sawit di negeri Terengganu, Pahang, Johor, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak Malaysia dan Kalimantan, Indonesia .

Ladang dan Kilang kelapa sawit Kumpulan THP telah mendapat Pensijilan MSPO dan MSPO SCCS dan meneruskan usahanya untuk menerapkan amalan alam sekitar dan sustainabiliti yang komprehensif dalam operasinya yang merangkumi Amalan Agronomik Baik, dan usaha konsisten untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau di kilang. Pada 19 Disember 2022, THP tersenarai dalam Indeks Bursa FTSE4GOOD Bursa Malaysia & Indeks Syariah FTSE4GOOD Bursa Malaysia. Ini adalah bukti pengurusan ESG positif THP, mengekalkan indeks penarafan keseluruhan melebihi 3.3 mengikut Metodologi Penilaian FTSE Russell ESG.

Pada 31 Disember 2023 (TK2023), Kumpulan THP mencatatkan pendapatan sebanyak RM752.0 juta dan keuntungan selepas cukai sebanyak RM 60.1 juta. Kumpulan THP telah mengisytihar dividen sebanyak 2.00 sen sesaham berjumlah RM17.68 juta kepada semua pemegang sahamnya bagi tahun kewangan 2023.

Tahun 2023 menandakan berakhirnya Pelan Pemulihan dan Transformasi Strategik Kumpulan THP, satu inisiatif luas yang direka untuk mengukuhkan kecekapan operasi, meluaskan aliran hasil dan margin perniagaan. Ini meletakkan syarikat pada landasan yang lebih kukuh ke arah trajektori seterusnya.

Kumpulan THP telah mencapai struktur modal yang lebih kukuh dengan penyiapan program sukuk pada 2022, yang memberikan lebih fleksibiliti untuk melaksanakan usaha meningkatkan hasil dan keuntungan. Ini merangkumi inisiatif penyatuan dan penanaman semula ladang, mekanisasi, amalan agronomi yang baik dan pengurusan kos operasi ladang yang lebih berkesan, sambil memanfaatkan sebarang peluang pada masa hadapan.

PLANTATION

TH has been actively involved in realising its strategic investments in the plantation sector since 1972. Currently, **TH** is a major shareholder in TH Plantations Berhad (THP) a listed entity on the Main Board of Bursa Malaysia Berhad since April 2006 and collectively all plantations' units are known as the TH Plantation Group (THP Group).

THP Group continues its capability in the development and management of oil palm plantation, processing and sales of palm oil and palm kernel in Malaysia and Indonesia. In addition, it is also involved in rubber and teak plantations in Sabah.

THP Group currently has a total of 97,781 hectares of landbank consist of 31 oil palm estates, 7 rubber & teak estates and 6 palm oil mills in the states of Terengganu, Pahang, Johor, Negeri Sembilan, Sabah and Sarawak of Malaysia and Kalimantan, Indonesia.

THP Group oil palm estates and mills are MSPO and MSPO SCCS Certified and continues its efforts to embedded comprehensive environmental and sustainable practices into its operations which include Good Agronomic Practices (GAP) and consistent efforts to reduce greenhouse gas emission at the mills. Effective 19 December 2022, THP is part of Bursa Malaysia's FTSE4GOOD Bursa Index & FTSE4GOOD Bursa Malaysia Syariah Index. This is a testament of THP's positive ESG management, maintaining an overall rating index above 3.3 as per the FTSE Russell ESG Rating Methodology.

As at 31 December 2023 (FY2023), THP Group recorded a RM752.0 million in revenue and profit after tax of RM 60.1 million. THP Group declared a dividend of 2.00 sen per share to a total value of RM 17.68 million, to all its shareholders for the financial year ended 2023.

The year 2023 marked the closure of THP Group's Strategic Recovery and Transformation Plan, a broad-ranging initiative designed on strengthening operational efficiency, broaden revenue streams and business margin. This puts the company on a stronger footing towards the next trajectory.

THP Group was able to achieve a firmer capital structure with the completion of the sukuk programme in 2022, which allows more flexibility to undertake efforts to improve yields and profitability. This encompasses the initiative on consolidation and replanting of the estates, mechanisation, good agronomic practices and a more effective cost management of the plantation operations, while taking advantage of any opportunities in the future.

SYARIKAT KUMPULAN Group of Companies

Kumpulan THP telah meneruskan inisiatif penyatuannya di pelbagai ladang dan hasilnya dapat menambah baik pengurusan kos dan mengurangkan pembaziran, sambil meningkatkan kadar kecekapan.

Kumpulan THP juga berjaya mengoptimumkan kapasiti semasa penggunaan kilang dengan pengurusan yang agresif dalam Pembelian Buah Tandan Segar (BTS) Luaran. Pelan serampang dua mata ini juga merupakan program komuniti tempatan di sekitar kilang-kilang sebagai sokongan untuk menambah bilangan pembekal BTS Bumiputera dan mewujudkan perkongsian jangka panjang dengan mereka.

Mendokong konsep Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), THP juga telah meningkatkan usaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan tenaga kami, dengan menggantikan dandang dan turbin secara beransur-ansur dengan unit yang lebih cekap tenaga untuk mengoptimumkan penggunaan bahan api, sambil menjana tenaga boleh diperbaharui berasaskan biojisim. THP secara aktif memulakan projek penukaran Sisa Kelapa Sawit sebagai sumber tenaga boleh diperbaharui melalui biogas daripada efluen kilang minyak sawit.

THP Group continued its consolidation initiatives at the various estates and as a result were able to improve cost management and reduce wastages, while improving the efficiency rate.

THP Group embarked on a Higher External FFB Purchase from local smallholders to optimise the capacity of our mills, as reflected in higher oil extraction rates (“OER”) and mills utilisation rates. This two-pronged plan is also a local community program within the vicinity of the mills in support of increasing the number of FFB Bumiputera suppliers and creating a long-term partnership with them.

Within the Environmental, Social and Governance (ESG) concept, THP has also increased efforts to improve the efficiency and effectiveness of our energy management, by replacing boilers and turbines gradually with more energy-efficient units to optimise fuel consumption, while generating biomass-based renewable energy. THP is actively embarking on conversion of Oil Palm Residual as a source of renewable energy through biogas from its palm oil mill effluent.





Pada TK2023, Kumpulan THP telah menganjurkan program pembangunan dan sesi latihan mengenai nilai terasnya, merentas pelbagai peringkat pekerja. Program utama memberi penekanan kepada akauntabiliti pekerja, pembangunan kepimpinan dan kemahiran teknikal. Kumpulan THP yakin bahawa dengan program pembangunan bakat yang konsisten, kakitangan THP akan lebih diperakui tentang peranan dan tugas masing-masing, dan dapat menyampaikan prestasi dan matlamat yang diharapkan.

Inisiatif penciptaan nilai melihat usaha dalaman untuk memastikan Sistem Pemantauan dan Pengurusan (P&P) yang lebih baik dan sistematik bagi memastikan aktiviti pekerja sejajar dengan matlamat, visi dan rancangan syarikat. P&P yang dipertingkatkan direka bentuk untuk mengubah budaya THP kepada organisasi yang dipacu Penunjuk Prestasi Utama dan memastikan sistem ganjaran yang telus.

Kumpulan THP percaya terdapat potensi besar untuk pengeluaran BTS dan MSM yang lebih tinggi pada masa hadapan. Kami berhasrat untuk menjadi ladang kelapa sawit yang cekap, teguh dan menguntungkan dengan memastikan asas yang mampan, membina prospek yang lebih baik untuk pertumbuhan organik dan usaha niaga baharu untuk mempelbagaikan aliran pendapatannya.

Melangkah ke hadapan, Kumpulan THP akan memulakan Pelan Perniagaan Strategik lima tahunnya (2024-2028), atau dikenali sebagai Al-Falah 22/22, yang berfungsi sebagai petunjuk dalam memetakan perjalanan kami untuk pertumbuhan dan keuntungan yang mampan. Ia menggariskan visi, misi dan teras strategik Kumpulan THP yang akan terus menyokong pertumbuhan trajektori kami dalam tempoh lima tahun akan datang.

In FY2023, THP Group organised development programmes and training sessions on our core values, across various levels of employees. Key programmes emphasised on employee accountability, development of leadership and technical skills. THP Group is confident that with consistent talent development programmes, THP employees would be more affirmed of their respective roles and tasks, and able to deliver the expected performance and goals set.


The value creation initiatives see efforts in ensuring a better and systematic Monitoring and Management (M&M) System to ensure employees' activities are align with company's goals, vision and plans. The improved M&M is designed to change THP's culture into KPIs driven, high performance, skill and knowledgeable organization, whilst ensuring a transparent reward system.

THP Group believes there is a vast potential for higher FFB and CPO production in the future. We aim to become an efficient, robust, and profitable oil palm plantation by ensuring a sustainable foundation, building better prospects for organic growth and new ventures to diversify its revenue streams.

Moving forward, THP Group will embark on its five-year Strategic Business Plan (2024-2028), or known as Al-Falah 22/22, which serves as a roadmap in mapping our journey for a sustainable growth and profitability. It outlines the Group's vision, mission and strategic thrusts that will further support our trajectory growth in the next five years.

SYARIKAT KUMPULAN Group of Companies

PELAN TRANSFORMASI THP 2021-2023 THP Transformation Plan 2021-2023



TEKNOLOGI MAKLUMAT

Theta Edge Berhad (Theta) yang merupakan ahli Kumpulan **TH** adalah perintis Pembekal Perkhidmatan Komunikasi dan Teknologi Maklumat (ICT). Theta memfokus kepada Penyelesaian Teknologi Maklumat & Integrasi Sistem, Perkhidmatan Kejuruteraan Telekomunikasi & Kerja Awam, dan Tenaga Hijau & Perkhidmatan Perundingan Infrastruktur Alam Sekitar selama lebih tiga (3) dekad dan telah didagangkan di bawah Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad sejak 1999.

INFORMATION TECHNOLOGY

Theta Edge Berhad (Theta), a member of **TH** Group, is Malaysia's pioneer service provider in Information Communication and Technology (ICT). Theta has focused on Information Technology Solutions & System Integration, Telecommunication Engineering Services & Civil Works, and Green Energy & Environmental Infrastructure Consultancy Services for over three decades and was listed on the Main Board of Bursa Malaysia Securities Berhad in 1999.

Sebagai sebahagian daripada proses transformasi berterusannya, perniagaan Theta telah diperkemas dan disatukan ke bawah dua (2) segmen perniagaan teras, Teknologi dan Telekomunikasi, di mana kedua-dua segmen telah menunjukkan prestasi kukuh pada tahun kewangan berakhir 2023, meningkatkan pendapatan Theta sebanyak 53 peratus kepada RM144.0 juta dan keuntungan selepas cukai meningkat sebanyak 26 peratus kepada RM9.6 juta. Pertumbuhan kukuh ini adalah hasil kejayaan merangka beberapa projek nasional, perbelanjaan berhemah dan efektif, disamping penyampaian beberapa projek ICT dalam tempoh dan kos yang telah ditetapkan.

Theta Telco, dilengkapi dengan Lesen Pembekal Kemudahan Rangkaian (NFP), Pembekal Perkhidmatan Rangkaian (NSP), dan Pembekal Perkhidmatan Aplikasi (ASP) daripada Suruhanjaya Komunikasi Malaysia (SKMM), telah merekodkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 18 peratus hasil kejayaan pelaksanaan projek pada TK2023. Sebanyak 91 peratus projek telah diselesaikan di bawah projek nasional JENDELA, dengan pembangunan 201 daripada 221 yang telah dianugerahkan.

Segmen perniagaan ini berkedudukan tapak projek strategik bagi merebut peluang yang muncul hasil pembangunan rangkaian 4G/5G, dalam sudut teknologi kejuruteraan sivil, mekanikal, kerja-kerja eletrikal (CME); pemasangan teknikal dan perkhidmatan kejuruteraan kepada syarikat telekomunikasi tempatan dan pembekal perkakasan telekomunikasi multi-nasional.

Manakala Theta Technology pula memberi fokus kepada kontrak sewaan 63 bulan bersama Kementerian Pendidikan untuk sewaan komputer riba yang mesra-persekitaran.

Setakat Disember 2023, sebanyak 6,000 komputer riba telah diserahkan ke 883 lokasi di Selangor. Memanfaatkan ICT baru dan peluang digitalisasi dalam kecerdasan buatan, Data Besar dan Sekuriti Siber, segmen perniagaan ini terus menguatkan kedudukan dan kehadirannya di pasaran ICT selaras dengan polisi pendigitalan Kerajaan terutamanya dalam Sekuriti Siber, Pembolehan Awan, Rangkaian, Perkakasan & Integrasi Sistem, dan Suite Kerajaan.

Melangkah ke hadapan, Kumpulan berhasrat untuk terus mengukuhkan kepercayaan yang dibina bersama kerajaan dan agensi negeri melalui penyampaian perkhidmatan yang dipercayai, di samping meneruskan inisiatif strategik di bawah program transformasi.

Ini termasuk pengoptimalman kos dalam Kumpulan, perkongsian strategik dengan rakan kongsi teknologi antarabangsa bagi perolehan kecekapan baharu, pengurusan rantaian bekalan strategik dan penerapan amalan terbaik untuk polisi dan prosedur operasi bagi mengukuhkan tadbir urus korporat.

Theta juga meneroka perniagaan lain yang berpotensi dalam ruang lingkup ESG, terutamanya dalam Platform Dagangan Kredit Karbon, Teknologi Audit Gas Rumah Hijau, Tenaga Boleh Perbaharui serta Persekitaran & Kelestarian Sosial.

As part of an ongoing transformation, Theta's business has recently been streamlined and consolidated into two core business segments, Technology and Telecommunications, and both businesses registered very strong performance in FY2023, increasing Theta's revenue by 53 per cent to RM144.0 million and profit after tax grew by 26 per cent to RM9.6 million. The robust growth was a result of successful award of national projects, effective cost savings as well as reliable delivery of all other ICT projects within the allocated time and costs.

Theta Telco, equipped with Network Facilities Provider (NFP), Network Service Provider (NSP) and Application Service Provider (ASP) licenses obtained from Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC), recorded a revenue growth of 18 per cent on the back of successful project deployments in FY2023. It has completed 91 per cent jobs under the JENDELA national project, developing 201 out of 221 sites awarded.

This business segment is strategically positioned to seize opportunities arising from the ongoing rollout of 4G/5G network developments, in the provision of Civil, Mechanical, Electrical (CME) works; technical installations; and engineering services to local telecommunication companies and multinational telecommunication equipment vendors.

Theta Technology primarily focused on its 63-month leasing contract with the Ministry of Education for the rental of eco-friendly laptops.

As of December 2023, it had fully delivered more than 6,000 laptops to 883 locations in Selangor. Capitalising on new ICT and digitalisation opportunities in Artificial Intelligence, Big Data, and Cyber Security, the business segment continues to strengthen its foothold for better ICT market positioning and market presence in line with government digitalisation policies, particularly in the area Cyber Security, Cloud Enablement, Network, Hardware & System Integration, and Government Suite.

Moving forward, the Group intends to fortify the trust it has built with government and state agencies through reliable service delivery, while continuing its strategic initiatives under the transformation programme.

These include group-wide cost optimisation, strategic partnership with credible international technology partners for the acquisition of new competencies, strategic supply chain management and application of best practices for operational policies and procedures to strengthen corporate governance.

Theta is also exploring other business potentials within the sphere of ESG, notably on Carbon Credit Trading Platform, Green House Gas Audit Technology, Renewable Energy and Environmental & Social sustainability.



Dalam Bahagian Ini:
In this Section:

- 120** PENYATA TADBIR URUS KORPORAT
Statement of Corporate Governance
- 127** PENYATA TADBIR URUS SYARIAH
Statement of Shariah Governance
- 130** SUDUT KEWANGAN ISLAM
Islamic Finance Awareness
- 132** PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN
Statement on Risk Management and Internal Control
- 143** LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH
Report of the Shariah Advisory Committee



SAHABA

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Statement of Corporate Governance

TH ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) dan di bawah pengawasan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Peruntukan Akta mendefinisikan Menteri sebagai Menteri yang bertanggungjawab bagi pengawalan jemaah haji. Kuasa Menteri termasuk memberi arahan pelaksanaan fungsi **TH** dan akses kepada maklumat berkaitan **TH**.

Di bawah Seksyen 4 Akta tersebut, Lembaga diamanahkan untuk melindungi kepentingan **TH** dan mentadbir semua perkara berkaitan kebajikan jemaah haji, pen depositnya, dan seterusnya menggalakkan prestasi dan operasi **TH** yang mampan.

TH diterajui oleh individu yang berkelayakan daripada pelbagai latar belakang, kemahiran dan berpengalaman luas dalam pelbagai bidang. Komposisi seperti ini adalah penting untuk memastikan kejayaan dalam tadbir urus korporat **TH** secara keseluruhan. Seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 6(1) Akta, Lembaga terdiri daripada ahli-ahli berikut:

- i. Seorang Pengerusi, yang hendaklah dilantik oleh Menteri
- ii. Seorang wakil dari Jabatan Perdana Menteri
- iii. Seorang wakil dari Perbendaharaan; dan
- iv. Tidak lebih daripada tujuh (7) orang Anggota lain yang mestilah dilantik oleh Menteri

Sebagai satu-satunya institusi Haji di Malaysia yang diberi mandat untuk menyediakan kemudahan bagi jemaah Malaysia dalam menunaikan ibadah haji, Lembaga percaya bahawa tadbir urus yang baik merupakan satu cerminan komitmen Anggota Lembaga untuk mencapai visi **TH** sebagai tonggak kejayaan ekonomi ummah dan menjadi organisasi pengurusan haji yang terbaik.

Lembaga berpandu kepada Piagam Lembaga yang menggariskan tugas dan tanggungjawab mereka. Selaras dengan tanggungjawab sebagai Badan Berkanun, Lembaga memberikan perhatian dan komitmen penuh untuk memastikan tadbir urus korporat dipatuhi dan mencapai piawaian korporat yang tinggi dan konsisten.

Akta **TH** menetapkan bahawa Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) bulan. Namun begitu, sepanjang tahun kewangan 2023, sebanyak 14 mesyuarat Lembaga telah diadakan.

TH is governed by the Tabung Haji Act (Act 535) under the stewardship of the Minister in the Minister ke Minister's (Religious Affairs). A provision of the Act defines the Minister as the Minister in charge of pilgrimage control. The power of the Minister includes giving directions on **TH** functions and providing access to information requisitions on **TH**.

Under Section 4 of the Act, the Lembaga is entrusted to protect the interests of **TH** and administer all matters concerning the welfare of Hajj pilgrims, its depositors, and ultimately to promote sustainable **TH** operations and performance.

TH is led by qualified individuals with diverse backgrounds, skills, and sound experience in various fields. Such compositions are crucial to ensuring the success of **TH**'s corporate governance as a whole. As stated under Section 6(1) of the Act, the Lembaga consists of the following members:

- i. A Chairman, who shall be appointed by the Minister
- ii. A representative of the Prime Minister's Department
- iii. A representative of the Treasury; and
- iv. Not more than seven (7) other Members who shall be appointed by the Minister

Being the only Hajj institution in Malaysia mandated to facilitate Malaysian pilgrimages to perform hajj, the Lembaga believes that good governance is the reflection of members' commitment to achieving **TH**'s vision as a pillar of the ummah's economic success and to be the best organisation in pilgrimage management.

The Lembaga is guided by the Lembaga Charter which outlines their duties and responsibilities. In line with the responsibility as a Statutory Body, the Lembaga gives full attention and commitment to ensuring effective corporate governance is adhered to and achieving high and consistent corporate standards.

TH Act prescribed that the Lembaga shall meet at least once every three (3) months. However, during the financial year 2023, 14 Lembaga meetings were held.

Kehadiran Anggota Lembaga bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:
The attendance of the Lembaga Members for 2023 is set out below:

Bil. / No.	Nama / Name	Kehadiran / Attendance
1.	Tan Sri Abdul Rashid Hussain * Dilantik pada / Appointed on 20.12.2023	0/0
2.	Tan Sri Azman Haji Mokhtar * Tamat perkhidmatan pada / Tenure ended on 19.12.2023	14/14
3.	Syed Hamadah Syed Othman * Dilantik pada / Appointed on 06.05.2023	6/6
4.	Datuk Awang Alik Jeman * Dilantik pada / Appointed on 20.11.2023	0/2
5.	Dato' Zamzuri Abdul Aziz * Dilantik pada / Appointed on 22.09.2023	2/3
6.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed * Dilantik pada / Appointed on 20.03.2023	7/11
7.	Profesor Dr. Ashraf Md Hashim	14/14
8.	Datin Paduka Kartini Abdul Manaf	12/14
9.	Dr. Mohd Faisal Mustaffa	13/14
10.	Ir. Abd Mokhti Salleh	14/14
11.	Asril Rahman Abdul Hadi * Dilantik pada / Appointed on 18/08/2023	5/5
12.	Datuk Seri Asri Hamidon * Tamat perkhidmatan pada / Tenure ended on 04.01.2023	0/0
13.	Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman * Tamat perkhidmatan pada / Tenure ended on 15.03.2023	3/3
14.	Dato' Sri Amrin Awaluddin * Tamat perkhidmatan pada / Tenure ended on 05.05.2023	6/7
15.	Dato' Abdul Hamid Sh. Mohamed * Tamat perkhidmatan pada / Tenure ended on 31.07.2023	9/9
16.	Datuk Seri Sollehuddin Alyubi Zakaria * Tamat perkhidmatan pada / Tenure ended on 19.11.2023	2/11

* Mewakili bilangan mesyuarat yang diadakan pada tahun 2023 semasa tempoh pelantikan.

* Represents the number of meetings held in 2023 during the term of appointment.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Statement of Corporate Governance

JAWATANKUASA LEMBAGA

Akta **TH** memerlukan penubuhan Jawatankuasa Lembaga untuk membantu Lembaga dalam menjalankan tanggungjawabnya. Jawatankuasa Lembaga terdiri daripada semua wakil Anggota Lembaga, kecuali Panel Pelaburan dan Jawatankuasa Penasihat Syariah, di mana turut terdiri dari ahli bebas. Semua Jawatankuasa Lembaga akan bertindak mengikut Terma Rujukan masing-masing.

Berkuatkuasa 1 Januari 2023, Lembaga telah meluluskan pengasingan fungsi Jawatankuasa Risiko, Audit dan Tadbir Urus kepada dua (2) Jawatankuasa Lembaga yang berlainan, iaitu Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Pematuhan dan Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus.


Sehingga 31 Disember 2023, terdapat sepuluh (10) Jawatankuasa Lembaga di **TH**.

LEMBAGA COMMITTEE

TH Act requires the establishment of Lembaga Committees to assist the Lembaga in carrying out its responsibilities. The Lembaga Committees are made up of all Anggota Lembaga representatives, with the exception of the Investment Panel and Shariah Advisory Committee, which include independent members. All the Lembaga Committees will act in accordance with their respective Terms of Reference.

Effective on 1 January 2023, Lembaga had approved the separation of function for Risk, Audit and Governance Committee into two (2) separate Lembaga Committees, namely Risk Management and Compliance Committee and the Audit and Governance Committee.

As of 31 December 2023, there are ten (10) Lembaga Committees in **TH**.



PANEL PELABURAN berfungsi sebagai jawatankuasa utama yang menyelia keseluruhan aktiviti pelaburan **TH** dan akan memastikan pembangunan serta pelaksanaan objektif, strategi dan dasar pelaburan **TH** selaras dengan peraturan, keperluan dan objektif **TH** yang berkaitan.

Selain itu, Panel Pelaburan akan menasihati atau mengesyorkan kepada Lembaga berhubung cadangan pelaburan serta sebarang perkara berkaitan pelaburan dan menasihati Pengurusan mengenai aktiviti dan amalan pelaburannya untuk mempertingkatkan lagi kualiti pengurusan pelaburan **TH**.

Panel Pelaburan terdiri daripada seorang Pengerusi yang merupakan ahli bebas, seorang Wakil daripada Jawatankuasa Penasihat Syariah (JPS) **TH** dan tidak lebih daripada lapan (8) ahli bebas lain termasuk dua (2) orang wakil daripada Lembaga.

INVESTMENT PANEL serve as the primary committee overseeing the overall investment activities of **TH** and will ensure that the development and implementation of **TH**'s investment objectives, strategies and policies are in line with the relevant regulations, requirements and **TH**'s objective.

Apart from that, Investment Panel will advise or make recommendation to the Lembaga in relation to investment proposal as well as any investment-related matters and advise the Management on its investment activities and practice to further enhance quality of **TH**'s investment management.

Investment Panel consist of a Chairman who is an independent member, a Representative from **TH** Shariah Advisory Committee (SAC) and not more than eight (8) other independent members inclusive of two (2) representatives from Lembaga.

Bil. / No.	Ahli Panel Pelaburan / Members of Investment Panel
1.	Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin (Pengerusi / Chairman) * Dilantik pada / Appointed on 01.09.2023
2.	Ir. Abd Mokhti Salleh Wakil Anggota Lembaga / Rep. from Lembaga
3.	Datin Paduka Kartini Abdul Manaf Wakil Anggota Lembaga / Rep. from Lembaga
4.	Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin Wakil Ahli JPS / Rep. from SAC Members
5.	Dato' Sr. Azmar Talib
6.	Puan Rosnah Dato' Kamarul Zaman
7.	Dato' Izzaddin Idris * Dilantik pada / Appointed on 01.09.2023
8.	Ahmad Shahizam Mohd Shariff * Dilantik pada / Appointed on 01.09.2023
9.	Datin Maznah Mahbob * Tamat perkhidmatan pada / Tenure ended on 31.08.2023
10.	Hisham Zainal Mokhtar * Tamat perkhidmatan pada / Tenure ended on 31.08.2023
11.	Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir * Tamat perkhidmatan pada / Tenure ended on 31.08.2023

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Statement of Corporate Governance

JAWATANKUASA AUDIT DAN TADBIR URUS telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam memenuhi tanggungjawabnya berkaitan dengan keperluan perakaunan dan pelaporan kewangan serta memastikan piawaian yang tinggi dalam tadbir urus, integriti dan etika.

Selain itu, Jawatankuasa ini akan menyemak, mengesyor dan memastikan Rangka Kerja Pelan Integriti **TH** dilaksanakan dengan berkesan. Selain itu, mereka juga memastikan isu risiko berkaitan rasuah, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan tadbir urus dalam pengurusan dan pentadbiran **TH** terkawal.

Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus terdiri daripada seorang Pengerusi dan maksimum empat (4) ahli lain daripada Lembaga, dengan sekurang-kurangnya seorang ahli mestilah seorang akauntan berkelayakan atau ahli badan perakaunan profesional.

AUDIT AND GOVERNANCE COMMITTEE was established to assist the Lembaga in fulfilling its responsibilities relating to accounting and financial reporting requirements and ensuring high standards of governance, integrity and ethics.

Apart from that, the Committee will review, recommend and ensure **TH's** Integrity Plan Framework is implemented effectively. In addition, by ensuring risk issues regarding corruption, malpractice, misuse of power and governance in **TH's** management and administration are under control.

Audit and Governance Committee consist of a Chairman and maximum of four (4) other members from Lembaga, with at least one member must be a qualified accountant or member of a professional accounting body.

Bil. / No.	Ahli Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus Members of Audit and Governance Committee
1.	Asril Rahman Abdul Hadi (Pengerusi / Chairman) * Dilantik pada / Appointed on 24.08.2023
2.	Professor Dr. Ashraf Md Hashim
3.	Datin Paduka Kartini Abdul Manaf
4.	Dr. Mohd Faisal Mustaffa
5.	Dato' Abdul Hamid Sh. Mohamed * Tamat perkhidmatan pada / Tenure ended on 31.07.2023

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN berfungsi untuk membantu Lembaga memenuhi tanggungjawabnya melalui pengawasan ke atas kecukupan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Pematuhan, termasuk reka bentuk dan pelaksanaan dasar dan prosedur, di samping keseluruhan proses tadbir urus agar selaras dengan strategi dan selera risiko **TH**.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko & Pematuhan terdiri daripada seorang Pengerusi dan maksimum empat (4) ahli lain daripada Lembaga, dengan sekurang-kurangnya seorang ahli mestilah celik kewangan atau seorang akauntan berkelayakan atau ahli badan perakaunan profesional.

RISK MANAGEMENT AND COMPLIANCE COMMITTEE primary functions was to support the Lembaga to fulfill its responsibilities through independent oversight on the adequacy of Risk Management and Compliance Framework including the design and implementation of the policies and procedures as well as the overall governance processes are consistent with **TH's** strategy and risk appetite.

Risk Management and Compliance Committee consist of a Chairman and maximum of four (4) other members from Lembaga, with at least one member must be a financially literate or a qualified accountant or member of a professional accounting body.

Bil. / No.	Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Pematuhan Members of Risk Management and Compliance Committee
1.	Datin Paduka Kartini Haji Abdul Manaf (Pengerusi / Chairman)
2.	Dr. Mohd Faisal Mustaffa
3.	Ir. Abd Mokhti Salleh
4.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed * Dilantik pada / Appointed on 14.08.2023
5.	Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman * Tamat perkhidmatan pada / Tenure ended on 15.03.2023

JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH berfungsi dalam menasihati Lembaga mengenai perkara berkaitan Syariah bagi memastikan operasi perniagaan **TH** mematuhi prinsip Syariah, memperakui Polisi dan Prosedur Syariah dan mewujudkan rangka kerja pematuhan Syariah. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menilai tahap pematuhan terhadap aktiviti Audit Syariah, Risiko Syariah dan Kajian Syariah serta membuat cadangan dalam memastikan pematuhan Syariah.

Jawatankuasa Penasihat Syariah terdiri daripada seorang pengerusi dan dianggotai oleh empat (4) ahli bebas yang memiliki pengetahuan, kepakaran dan pengalaman yang diperlukan di dalam perundangan Islam (Usul al-Fiqh) atau undang-undang transaksi/perdagangan Islam (Fiqh al-Mu'amalat).

SHARIAH ADVISORY COMMITTEE primary functions is to advise the Lembaga on Shariah-related matters to ensure that **TH's** business operations comply with the Shariah principles, endorse the Shariah Policies and Procedures and establish the Shariah Compliance Framework. The Committee is also in charge of assessing the degree of compliance with Shariah Audit, Shariah Risk, and Shariah Review activities and making recommendations to preserve Shariah Compliance.

Shariah Advisory Committee consist of a Chairman and four (4) other independent members whom possess the necessary knowledge, expertise or experience in Islamic Jurisprudence (Usul al-Fiqh) or Islamic transaction/commercial law (Fiqh al-Mu'amalat).

Bil. / No.	Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah Members of Shariah Advisory Committee
1.	Profesor Dr. Ashraf Md Hashim (Pengerusi / Chairman)
2.	Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin
3.	Prof. Madya Dr. Asmak Ab Rahman
4.	Ustaz Wan Rumaizi Wan Husin

JAWATANKUASA PENAMAAN DAN SARAAN bertanggungjawab untuk mengesyorkan pelantikan atau pemberhentian bagi Pengurus Besar Kanan **TH** dan ke atas kepada Lembaga, serta pelantikan dan pemberhentian Ketua Pegawai Eksekutif dan Wakil Pengarah **TH** di dalam syarikat pelaburan **TH**.

Jawatankuasa ini juga mengesyorkan dasar dan kerangka kerja mengenai terma dan syarat perkhidmatan untuk pegawai dan pekerja **TH** serta meluluskan pelaksanaan urusan operasi modal insan.

Jawatankuasa Penamaan dan Saraan terdiri daripada empat (4) orang Ahli Lembaga.

NOMINATION AND REMUNERATION COMMITTEE primary responsibilities are to recommend the appointments or cessations to the Lembaga for **TH's** Senior General Managers and above, as well as the appointments and cessations of Chief Executive Officers and Nominee Directors in **TH's** investee companies.

The Committee also recommend policies and frameworks on terms and conditions of service for **TH** officers and employees and approve the execution of human capital operations matters.

The Nomination and Remuneration Committee consist of four (4) members from the Lembaga.

Bil. / No.	Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Saraan Members of Nomination and Remuneration Committee
1.	Profesor Dr. Ashraf Md Hashim (Pengerusi / Chairman)
2.	Dr. Mohd Faisal Mustafa
3.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed * Dilantik pada / Appointed on 24.08.2023
4.	Asril Rahman Abdul Hadi * Dilantik pada / Appointed on 24.08.2023
5.	Tengku Dato' Seri Hasmuiddin Tengku Othman * Tamat perkhidmatan pada / Tenure ended on 15.03.2023
6.	Dato' Abdul Hamid Sh. Mohamed * Tamat perkhidmatan pada / Tenure ended on 31.07.2023

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Statement of Corporate Governance

JAWATANKUASA PENGURUSAN HAJI berperanan untuk menyemak dan membuat pertimbangan mengenai isu-isu berkaitan haji. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab ke atas perkara yang berkaitan dengan kebajikan jemaah haji, termasuk aspek ibadah haji dan isu-isu pelaksanaan haji, rancangan dan operasi haji termasuk merangka polisi yang berkaitan. Ia juga bertanggungjawab mengawasi pentadbiran produk dan perkhidmatan haji termasuk pembayaran oleh jemaah haji untuk menunaikan haji dan pelesenan Pengelola Jemaah Haji di Malaysia.

Jawatankuasa ini terdiri daripada seorang Pengerusi dan tiga (3) ahli lain daripada Lembaga termasuk PUK&KPE.

HAJJ AFFAIRS COMMITTEE is responsible to assess and make decision on hajj-related issues. This committee is also responsible for matters related to the welfare of pilgrims, including aspects of hajj worship and hajj implementation issues, hajj plans and operations including drafting relevant policies. It is also responsible for overseeing the administration of hajj products and services including hajj payments and licensing of Hajj Pilgrim Operator in Malaysia.

This Committee consist of a Chairman and three (3) other members from Lembaga, including GMD&CEO.

Bil. / No.	Ahli Jawatankuasa Pengurusan Haji Members of Hajj Affairs Committee
1.	Dr. Mohd Faisal Mustafa (Pengerusi / Chairman)
2.	Syed Hamadah Syed Othman * Dilantik pada / Appointed on 06.05.2023
3.	Ir. Abd Mokhti Salleh
4.	Datuk Awang Alik Jeman * Dilantik pada / Appointed on 20.11.2023
5.	Dato' Sri Amrin Awaluddin * Tamat perkhidmatan pada / Tenure ended on 05.05.2023
6.	Datuk Seri Sollehuddin Alyubi Zakaria * Tamat perkhidmatan pada / Tenure ended on 19.11.2023

PENYATA TADBIR URUS SYARIAH

Statement of Shariah Governance

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah **TH** telah dibentuk bagi tujuan memastikan segala aspek operasi, pelaburan dan aktiviti yang dilakukan oleh **TH** mematuhi lunas-lunas syarak.

JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH **TH**

Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Syariah (JPS) telah diluluskan oleh Lembaga di dalam mesyuarat Lembaga No. 2/2010 (252) bertarikh 27 April 2010. Dalam mesyuarat yang sama Lembaga turut merumuskan bahawa jawatankuasa tersebut berkuatkuasa pada 1 Mei 2010.

FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH **TH**

Jawatankuasa Penasihat Syariah (JPS) yang ditubuhkan sejak tahun 2010 berperanan sebagai sumber rujukan bagi **TH** mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Syariah kecuali urusan dan perkara berkaitan ibadah haji. Dalam memastikan operasi perniagaan **TH** mematuhi prinsip Syariah pada setiap masa Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah **TH** telah menggariskan fungsi dan tanggungjawab JPS seperti berikut:

- Menasihati Lembaga mengenai perkara-perkara berkaitan Syariah untuk memastikan bahawa operasi perniagaan **TH** dan aktiviti-aktiviti **TH** yang lain termasuk zakat **TH** mematuhi prinsip Syariah pada setiap masa;
- Menjelaskan keputusan Syariah berhubung dengan apa jua urusan **TH** seperti yang diputuskan oleh jawatankuasa berdasarkan kepada apa yang dirujuk kepadanya oleh Lembaga, Pengerusi, Bahagian Syariah Kumpulan atau mana-mana juga cabang perniagaan **TH**;
- Menilai dan mengesahkan produk-produk, kontrak-kontrak piawai yang akan dimeterai, perjanjian, operasi bagi keseluruhan transaksi **TH**;
- Mengesahkan urusan dan kontrak **TH** adalah mematuhi Syariah melalui laporan yang dikemukakan oleh Bahagian Syariah Kumpulan kepada jawatankuasa secara berkala, menjelaskan pelaksanaan resolusi dan hukum yang dikeluarkan oleh jawatankuasa;
- Memberikan keputusan atau nasihat Syariah mengenai operasi, perniagaan, urusan dan aktiviti Kumpulan yang boleh menyebabkan potensi insiden ketidakpatuhan Syariah;
- Membincangkan dan mengesahkan penemuan ketidakpatuhan Syariah oleh fungsi-fungsi kawalan Syariah **TH** serta mengesahkan langkah-langkah penambahbaikan dan rektifikasi dalam menangani insiden ketidakpatuhan Syariah; dan
- Mewakili **TH** dalam bidang Syariah di persidangan, seminar, dan juga untuk mengambil bahagian dalam forum kewangan Islam.

TH's Shariah Governance Framework has been established for the purpose of ensuring all aspect of operation, investment and activities carried out by **TH** are in compliance with Shariah principles.

SHARIAH ADVISORY COMMITTEE **TH**

The proposal to establish the Shariah Advisory Committee (SAC) was approved by the Board in Board meeting No. 2/2010 (252) dated 27 April 2010. In the same meeting the Board also concluded that the committee would come into effect on 1 May 2010.

FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES OF THE **TH** SHARIAH ADVISORY COMMITTEE

The Shariah Advisory Committee (SAC) was established to serve as a reference source for **TH** on Shariah matters except hajj-related matters. In ensuring that **TH's** business operations comply with Shariah principles at all times, **TH's** Shariah Governance Framework has outlined the functions and responsibilities of the SAC as follows:

- Advise the Board on Shariah-related matters to ensure that **TH's** business operations and other **TH** activities including **TH** zakat comply with Shariah principles at all times;
- Explain Shariah decisions in relation to any **TH** transaction as decided by the committee based on what is referred to it by the Lembaga, Chairman, Group Shariah Division or any branch of **TH's** business;
- Assess and conform products, standard contracts to be entered into, agreements, operations for all **TH** transactions;
- Endorse and approve that all **TH** transactions and contracts are Shariah compliant through reports submitted by the Group Shariah Division to the committee on a regular basis, explaining the implementation of resolutions and rulings issued by the committee;
- Provide Shariah decisions or advice on the Group's operations, business, affairs and activities that may give rise to potential incidents of Shariah non-compliance;
- Deliberate and confirm the finding of Shariah non-compliance by **TH's** Shariah control functions as well as affirm improvement and rectification measures in dealing with incidents of Shariah non-compliance; and
- Represent **TH** in any conference and seminar concerning any Shariah issue, as well as to participate in Islamic finance forums.

PENYATA TADBIR URUS SYARIAH

Statement of Shariah Governance

KEAHLIAN DAN KEHADIRAN MESYUARAT JPS

Keahlian JPS adalah terdiri daripada individu yang berkepakaran dalam bidang Syariah secara umumnya dan khususnya dalam bidang kewangan Islam. Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak tujuh (7) mesyuarat JPS termasuk dua (2) mesyuarat khas telah diadakan. Kehadiran ahli-ahli JPS ke mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

Bil. / No.	Tarikh Mesyuarat / Date of Meeting	Ahli JPS / SAC Members	Kehadiran Mesyuarat Meeting Attendance
1.	1/2023 (52) 24 Februari / February 2023	Prof. Dr. Ashraf Md Hashim (Pengerusi) / (Chairman)	7/7
2.	2/2023 (53) Khas / Special 28 Februari / February 2023		
3.	3/2023 (54) 12 April / April 2023	Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin	7/7
4.	4/2023 (55) 7 Julai / July 2023	Prof. Madya Dr. Asmak Ab. Rahman	7/7
5.	4/2023 (55) 16 Ogos / August 2023		
6.	6/2023 (57) Khas / Special 13 September / September 2023	Ustaz Wan Rumaizi Wan Husin	7/7
7.	7/2023 (58) 12 Disember / December 2023	Prof. Datin Dr. Rusni Hassan*	6/7**

* Perkhidmatan bermula pada 1 Januari 2023 / Service started on 1 January 2023.

** Ketidakhadiran ke mesyuarat adalah dengan izin / Absence to meeting is granted with permission.

POLISI SYARIAH

Selain Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah **TH**, bagi mengukuhkan tadbir urus Syariah di **TH** beberapa polisi dalaman seperti rangka kerja, garis panduan dan prosedur telah diterbitkan oleh Bahagian Syariah Kumpulan setelah dibentangkan dan mendapat kelulusan daripada JPS. Polisi-polisi tersebut adalah seperti berikut:

- RANGKA KERJA TADBIR URUS SYARIAH **TH**
- RANGKA KERJA SEMAKAN SYARIAH
- PROSEDUR OPERASI PIAWAI PERUNDINGAN SYARIAH
- PROSEDUR OPERASI PIAWAI SEMAKAN SYARIAH
- GARIS PANDUAN SYARIAH BAGI PELABURAN EKUITI
- GARIS PANDUAN SYARIAH BAGI PELABURAN HARTANAH
- GARIS PANDUAN BAGI PENGENDALIAN DANA TIDAK PATUH SYARIAH
- GARIS PANDUAN SYARIAH BAGI CAJ LEWAT BAYAR
- GARIS PANDUAN ZAKAT **TH**
- RANGKA KERJA PELAKSANAAN TADBIR URUS SYARIAH UNTUK SYARIKAT PENERIMA PELABURAN **TH**

SAC MEMBERSHIP & MEETING ATTENDANCE

SAC membership consists of individuals who specialise in the fields of Shariah particularly in Islamic finance. As of 31 December 2023, a total of seven (7) SAC meetings including two (2) special meeting have been held for the year. The attendance of SAC members at the meeting is as follows:

SHARIAH POLICY

In addition to the **TH** Shariah Governance Framework to strengthen Shariah governance, several internal policies such as frameworks, guidelines and procedures have been issued by the Group Shariah Division after being presented and approved by SAC. The policies are listed below:

- **TH SHARIAH GOVERNANCE FRAMEWORK**
- **SHARIAH REVIEW FRAMEWORK**
- **SHARIAH ADVISORY OPERATING PROCEDURES**
- **SHARIAH REVIEW OPERATING PROCEDURES**
- **SHARIAH GUIDELINES ON EQUITY INVESTMENT**
- **SHARIAH GUIDELINES ON PROPERTY INVESTMENT**
- **GUIDELINE ON MANAGEMENT OF SHARIAH NON-COMPLIANT FUND**
- **SHARIAH GUIDELINES ON LATE PAYMENT CHARGES**
- **TH ZAKAT GUIDELINES**
- **FRAMEWORK ON IMPLEMENTATION OF SHARIAH GOVERNANCE FOR TH INVESTEE COMPANIES**



FUNGSI KAWALAN SYARIAH

Pematuhan dan Semakan Syariah

Fungsi Semakan Syariah merujuk kepada penilaian berkala dan bebas yang dilakukan oleh Pegawai Semakan Syariah terhadap aspek pematuhan Syariah dalam aktiviti-aktiviti Kumpulan **TH** termasuk tetapi tidak terhad kepada proses-proses pembangunan produk, pembangunan perkhidmatan, operasi, pelaburan, urusniaga dan segala transaksinya yang bermula daripada peringkat penstrukturan sehinggalah kepada penawaran/pelaksanaan bagi memastikan segala yang tersebut mematuhi parameter, garis panduan dan resolusi yang dikeluarkan oleh JPS dan Bahagian Syariah Kumpulan **TH**. Fungsi ini akan dijalankan oleh pegawai Syariah yang berkelayakan dengan tujuan untuk memastikan bahawa segala yang tersebut di atas tidak bercanggah dengan Syariah.

SHARIAH CONTROL FUNCTIONS

Shariah Compliance and Review

The Shariah Review function refers to the periodic and independent assessment carried out by the Shariah Review Officer in regard to Shariah compliance of the activities of the **TH** Group including but not limited to the processes of product development, service development, operations, investment, and all transactions starting from the structuring stage up to the offering/implementation, ensuring that all complies with the parameters, guidelines and resolutions issued by the SAC and the **TH** Group Shariah Division. This function will be carried out by qualified Shariah officer with the aim of ensuring that everything mentioned above does not contravene with Shariah.

SUDUT KEWANGAN ISLAM



Islamic Finance Awareness

ASPEK PEMATUHAN SYARIAH DALAM PELABURAN TH

Pematuhan Syariah merupakan salah satu teras utama Rangka Kerja Pengawasan Syariah. Pematuhan Syariah dapat dicapai melalui tadbir urus syariah yang dilaksanakan dalam setiap aktiviti **TH** termasuk aktiviti pelaburan. Mengikut konsep wakalah, aktiviti pelaburan dijalankan oleh **TH** sebagai wakil menggunakan dana pendeposit dan agihan keuntungan diagihkan berdasarkan prestasi kewangan semasa.

SHARIAH COMPLIANCE ASPECTS IN TH INVESTMENTS

Shariah Compliance is one of the main pillars of the Shariah Governance Framework. Shariah Compliance can be achieved through shariah governance implemented in all of **TH's** activities, including investment. Following the concept of wakalah, investment activities are conducted by **TH** as an agent using depositors' fund and the profit distributed based on the year's financial performance.



SARINGAN EKUITI PATUH SYARIAH

Shariah-Compliant Equity Screening



AKTIVITI PERNIAGAAN

- Perbankan konvensional;
- Insurans konvensional;
- Perjudian;
- Arak dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya;
- Khinzir dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya;
- Makanan dan minuman tidak halal;
- Hiburan tidak patuh syariah;
- Tembakau dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya;
- Pendapatan faedah daripada akaun dan instrumen konvensional;
- Dividen daripada pelaburan tidak patuh syariah; dan
- Aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak patuh syariah.

BUSINESS ACTIVITIES

- Conventional banking;
- Conventional insurance;
- Gambling;
- Alcohol and related activities;
- Pork and related activities;
- Non-halal food and beverages;
- Non-shariah compliant entertainment;
- Tobacco and related activities;
- Revenue from conventional accounts and instruments;
- Dividends from non-shariah compliant investments; and
- Other activities determined as non-Shariah compliant.



- Jual beli saham;
- Pembrokeran saham;
- Sewaan daripada aktiviti-aktiviti tidak patuh syariah; dan
- Aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak patuh syariah.

- Buying and selling of stocks;
- Stock brokerage;
- Rentals from non-shariah compliant activities; and
- Other activities determined as non-shariah compliant.



NISBAH KEWANGAN

Nisbah elemen berteraskan riba mestilah kurang daripada 33 peratus ke atas jumlah aset:

- Tunai yang ditempatkan dalam akaun dan instrumen konvensional ke atas jumlah aset; dan
- Hutang yang berteraskan faedah bank konvensional ke atas jumlah aset.

FINANCIAL RATIO

The ratio of elements based on usury must be less than 33 per cent of the total assets:

- Cash placed in conventional accounts and instruments over the total assets; and
- Debt based on interest from conventional bank over the total assets.

STATUS SAHAM BERTUKAR KEPADA TIDAK PATUH SYARIAH

Status of Stocks Reclassified as Non-Shariah Compliant



PELUPUSAN / DISPOSAL

- Jika kos belian saham melebihi nilai pasaran (*market value*), saham tersebut hendaklah dilupuskan segera.
- Jika nilai saham berada di bawah nilai pasaran, dibenarkan untuk menyimpan sehingga kos belian saham menyamai nilai pasaran sebelum dilupuskan.
- If the cost of purchasing stocks exceeds the market value, the stocks should be disposed of immediately.
- If the stock value is below the market value, it is allowed to be held until the cost of purchasing the stocks equals the market value before disposal.



KEUNTUNGAN & DIVIDEN PROFITS & DIVIDENDS

- Hasil keuntungan & dividen yang terkumpul sehingga tarikh pengumuman pertukaran status boleh disimpan dan digunakan.
- Keuntungan lebihan selepas tarikh pengumuman perlu dilupuskan melalui proses penyucian pendapatan.
- The accumulated profits and dividends until the date of the status change announcement can be retained and utilized.
- Any excess profits after the announcement date need to be disposed of through the income purification process.



PENYUCIAN / PURIFICATION

- Hasil keuntungan daripada saham tersebut akan dipindahkan ke akaun tidak patuh syariah.
- Dana ini seterusnya akan diuruskan berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Dana Tidak Patuh Syariah.
- The profits from these stocks will be transferred to the non-shariah compliant account.
- This fund will then be managed according to the Shariah Non-Compliant Fund Management Guidelines.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Statement on Risk Management and Internal Control

Penyata ini dikeluarkan oleh Lembaga Tabung Haji (“**TH**”) sejajar dengan garis panduan yang terkandung dalam Akta Lembaga Tabung Haji 1995 (Akta 535) dan selaku ahli masyarakat yang bertanggungjawab menerusi amalan-amalan terbaik organisasi. Penyata ini menjelaskan tahap dan jenis sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman **TH** untuk tahun kewangan dalam tinjauan.

Lembaga bertanggungjawab menyediakan mekanisme-mekanisme kawalan dalaman yang bertujuan untuk memastikan selera risiko **TH** berada pada tahap toleransi yang munasabah dan bukannya untuk mengekang segala kemungkinan kegagalan organisasi untuk mencapai matlamat dan memenuhi mandatnya. Bagi melindungi dana pendeposit serta pelaburan dan aset **TH**, Lembaga mengenal pasti, menilai, menjejak dan menyelerakkan risiko-risiko kritikal. Proses ini dilakukan secara kerap.

Bermula Januari 2023, Jawatankuasa Risiko, Audit dan Tadbir Urus (“JRATD”) telah dipisahkan menjadi dua (2) jawatankuasa berasingan iaitu Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Pematuhan (“JPRP”) dan Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus (“JATD”). Setiap jawatankuasa memikul mandat dan tanggungjawab masing-masing. JPRP adalah jawatankuasa di peringkat Lembaga yang bertanggungjawab untuk menyelia dan memantau pengurusan risiko dan pematuhan serta memastikan pelaksanaan sistem yang sewajarnya bagi mengurus keseluruhan risiko di **TH**.

Begitu juga JATD, adalah jawatankuasa Lembaga yang memantau sistem kawalan dalaman organisasi serta syarikat-syarikat Kumpulan (“Kumpulan **TH**”), dengan memastikan bahawa sistem-sistem yang sesuai dilaksanakan secara mencukupi dan berkesan bagi menguruskan pendedahan risiko keseluruhan dan kualiti pelaporan kewangan **TH** selain memastikan pialaiaian tertinggi tadbir urus, integriti dan etika.

JPRP membantu Lembaga menyemak tahap pematuhan undang-undang, peraturan, arahan dan garis panduan yang terpakai melalui fungsi Jabatan Risiko dan Pematuhan (“JRP”), sementara JATD melalui Jabatan Audit Dalam dan Integriti (“JADI”) menyokong Lembaga dalam menilai kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman **TH** serta pematuhannya kepada undang-undang, peraturan, arahan dan cadangan yang berkaitan. Peranan fungsian kedua-dua jawatankuasa dibincangkan dalam bahagian masing-masing di bawah.

This statement is issued by Lembaga Tabung Haji (“**TH**”) in accordance with the guidelines set forth in the Lembaga Tabung Haji Act 1995 (Act 535), as a responsible member of the community and through best organizational practices, respectively. The extent and type of **TH**'s internal control and risk management system for the reviewed financial year are described in this statement.

The Lembaga is responsible for putting in place internal control mechanisms that are intended to manage **TH**'s risk appetite within a reasonable tolerance range, rather than completely remove the possibility of the organisation failing to meet its goals and fulfil its mandate. To protect depositor funds as well as **TH**'s investments and assets, the Lembaga identifies, evaluates, tracks, and disseminates critical risks. This process is done on a regular basis.

Effective January 2023, the previously known Risk, Audit and Governance Committee (“RAGC”) has been split into two (2) separate committees namely the Risk Management and Compliance Committee (“RMCC”) and the Audit and Governance Committee (“AGC”). Each committee carries its separate mandates and responsibilities respectively. RMCC is a committee at the Lembaga level that has primary risk management and compliance oversight and is responsible for ensuring the implementation of appropriate system to manage the overall risk at **TH**.

Similarly, the AGC is a Lembaga committee that oversees the internal control system within the organisation and its Group of Companies (“**TH** Group”), making sure that suitable systems are adequately and effectively implemented to manage **TH**'s overall risk exposures and the quality of its financial reporting as well as ensuring the high standards of governance, integrity and ethics.

Whilst RMCC assists the Lembaga in reviewing the level of compliance with applicable laws, rules and regulations, directives and guidelines through Risk and Compliance Department (“RCD”) functions, the AGC is supporting the Lembaga in evaluating the sufficiency and integrity of **TH**'s internal control systems as well as its compliance with relevant laws, regulations, directives and recommendations through the Internal Audit and Integrity Department (“IAID”). The functional roles of the two committees are discussed in their respective sections below.

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Lembaga menyedari tanggungjawabnya ke atas semua tindakan JPRP berkaitan pelaksanaan peranan yang ditugaskan kepadanya, termasuk hasil semakan dan pendedahan ke atas pengurusan risiko-risiko utama dan pematuhan di dalam laporan ini. JPRP seperti yang dijelaskan di dalam Terma Rujukannya (“TOR”) adalah bertanggungjawab untuk:

- Menyemak dan mengesyorkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Pematuhan **TH**, dasar-dasar yang berkaitan serta penyata selera risiko yang selaras dengan ciri-ciri, saiz, dan kerumitan aktiviti-aktiviti perniagaan untuk kelulusan Lembaga;
- Menyelia pelaksanaan rangka kerja dan dasar-dasar yang diluluskan bagi memastikan keberkesanan Pengurusan **TH** dalam menguruskan risiko serta jangkaan Pengawal Selia selain mengesyorkan perubahan-perubahan sewajarnya ke atas dasar atau pelan;
- Meluluskan falsafah serta strategi-strategi risiko dan pematuhan termasuk pelan pematuhan dan pelan semakan;
- Menyelia pengurusan keseluruhan risiko pematuhan termasuk AML/CFT dengan memastikan proses yang sewajarnya tersedia dan berfungsi sejajar dengan kehendak Akta dan lain-lain kehendak berkaitan yang digariskan oleh Badan-Badan Kawal Selia;
- Menyemak profil risiko **TH** yang sejajar dengan strategi perniagaan dan selera risiko **TH**;
- Mempromosikan kesedaran dan budaya pengurusan risiko di dalam Kumpulan **TH**;
- Memastikan JRP dilengkapi dengan sistem, prasarana dan sumber-sumber yang mencukupi bagi membolehkannya mengenal pasti dan mengurus risiko-risiko berkaitan aktiviti perniagaan **TH** secara berkesan sepanjang masa dan semasa tempoh tekanan;
- Menyemak dan menilai prestasi Ketua Pegawai Risiko dan Pematuhan (“KPRP”); dan
- Memantau pematuhan terhadap struktur had risiko, dasar-dasar, dan prosedur-prosedur **TH** berkaitan tadbir urus pengurusan risiko, amalan-amalan, dan kawalan risiko di **TH** secara menyeluruh.

RISK MANAGEMENT AND COMPLIANCE COMMITTEE

The Lembaga acknowledges its role in being responsible for all the actions of RMCC with regard to the execution of delegated roles, including the outcome of the review and disclosure on key risks and compliance management in this report. RMCC as illustrated in its Terms of Reference (“TOR”) has the responsibility to:

- Review and recommend **TH**'s Risk Management and Compliance Framework, relevant policies as well as risk appetite statement which shall be commensurable with the nature, size and complexity of the institution's business activities for approval by the Lembaga;
- Oversee the implementation of approved framework and policies to ensure the effectiveness of **TH**'s Management in managing the risks and Regulators expectations as well as recommend necessary changes in policy or plan;
- Approve the risk and compliance philosophy and strategies including compliance roadmap and review plan;
- Oversee the overall management of compliance risk including AML/CFT by ensuring the appropriate process is in-place and functioning in accordance to the Act and applicable requirements issued by relevant Regulatory Bodies;
- Review **TH**'s risk profile that is consistent with **TH**'s business strategy and risk appetite;
- Promote awareness and risk management culture within **TH** Group;
- Ensure RCD is equipped with adequate system, infrastructure and resources to effectively identify and manage risk associated with **TH**'s business activities on a daily basis and during stress period;
- Review and assess the performance of the Chief Risk and Compliance Officer (“CRCO”); and
- Monitor the compliance with **TH**'s risk limits structure, policies and procedures relating to risk management governance, practices and risk controls across **TH**.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Statement on Risk Management and Internal Control

Sementara itu, Pengurusan menyedari tanggungjawabnya mengenal pasti dan menilai risiko-risiko selain memantau pencapaian matlamat dan objektif-objektif perniagaan di dalam rangkuman toleransi risiko yang diluluskan oleh Lembaga. Secara ringkasnya, Pengurusan bertanggungjawab:

- Melaksanakan rangka kerja, dasar-dasar, dan prosedur-prosedur kawalan dalaman yang diluluskan oleh Lembaga;
- Melaksanakan proses-proses mengenal pasti, menilai, memantau, dan melaporkan risiko serta keberkesanan sistem kawalan dalaman, dengan mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya; dan
- Meyakinkan Lembaga bahawa sistem kawalan dalaman **TH** beroperasi dengan mencukupi dan berkesan dalam semua aspek penting berdasarkan sistem kawalan dalaman yang tersedia.

JPRP dianggotai oleh anggota Lembaga dan disokong oleh KPRP dalam menjalankan tanggungjawabnya kepada Lembaga berkaitan perkara-perkara penting yang dibincangkan dalam mesyuarat JPRP.

Meanwhile, the Management acknowledges the responsibility to identify and evaluate the risks as well as the responsibility to monitor the achievement of business goals and objectives within the risk tolerance approved by the Lembaga. Briefly, the Management is responsible to:

- Implement Lembaga approved frameworks, policies and procedures on internal control;
- Implement the processes of identifying, evaluating, monitoring and reporting risks and the effectiveness of internal control systems, taking appropriate and timely corrective actions as required; and
- Assure the Lembaga that **TH's** internal control systems are operating adequately and effectively, in all material aspects based on established internal control system.

RMCC comprises of Lembaga members and is supported by CRCO in discharging its responsibilities to the Lembaga on key matters deliberated in the RMCC meetings.

Anggota Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Pematuhan (JPRP)

Risk Management and Compliance Committee Members (RMCC)

Bil. / No.	Anggota / Members	Keahlian / Membership	Lantikan / Appointment	Kehadiran Attendance
1.	Datin Paduka Kartini Abdul Manaf	Pengerusi / Anggota Chairman / Member	23 November / November 2022	6/6
2.	Ir. Abd Mokhti Salleh	Anggota / Member	23 November / November 2022	6/6
3.	Dr. Mohd Faisal Mustafa	Anggota / Member	23 November / November 2022	6/6
4.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed	Anggota / Member	14 April / April 2023	4/5*
Bil. / No.	Mantan Anggota / Former Members	Keahlian / Membership	Tamat Lantikan / Completion	Kehadiran Attendance
1.	Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman	Anggota / Member	15 Mac / March 2023	1/1*

* Mewakili bilangan mesyuarat yang diadakan pada tahun 2023 semasa tempoh pelantikan.

* Represents the number of meetings held in 2023 during the appointment term.

PENGURUSAN RISIKO

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Bersepadu (“ERM”) **TH** mengguna pakai pendekatan berstruktur dan bersepadu dalam menguruskan risiko-risiko penting, merangkumi pengenalpastian dan penilaian risiko-risiko yang mungkin menjejaskan pencapaian objektif-objektif **TH**, perangkaan pelan-pelan tindakan serta pemantauan dan pelaporan risiko secara berkala. **TH** menerima pakai Rangka Kerja ERM yang merangkumi pengawasan pengurusan risiko dan penerapan pengurusan risiko bersepadu strategik berdasarkan ciri-ciri berikut:

- Tanggungjawab menguruskan risiko adalah nyata dan jelas.
- Pengurusan risiko dirangkumkan ke dalam semua proses pembuatan keputusan.
- Kesemua aktiviti memerlukan penilaian risiko yang komprehensif.
- Mekanisme kawalan risiko yang berkesan.
- Sistem yang mencukupi bagi memantau dan melaporkan risiko.
- Penilaian kawalan dalaman yang berkesan.

ERM **TH** membolehkan risiko-risiko yang telah dikenal pasti diurus secara komprehensif dan berkesan. Aspek-aspek risiko utama yang dikaji termasuk risiko kewangan, risiko operasi, risiko strategik dan risiko pematuhan. Penilaian risiko komprehensif dijalankan secara berterusan oleh pemilik risiko masing-masing; bagi risiko-risiko utama yang dikenal pasti, tindakan-tindakan kawalan risiko termasuk pelan tindakan pengurusan akan dirangka dan dilaksanakan. Keputusan penilaian risiko disemak dan dilaporkan kepada Lembaga menerusi JPRP.

Risiko-risiko utama yang dipantau rapat oleh **TH** adalah termasuk:

- Risiko Strategik
- Risiko Operasi
- Risiko Kewangan
- Risiko Pematuhan

RISK MANAGEMENT

TH's Enterprise Risk Management (“ERM”) Framework adopts a structured and integrated approach to the management of significant risks and involves the identification and assessment of risks that may affect the achievement of **TH's** objectives, formulation of action plans, as well as monitoring and reporting of the risks on a regular basis. **TH** embraces ERM Framework inculcating oversight of risk management and embedment of strategic enterprise risk management around the following attributes:

- Responsibility to manage risk is tangible and clear.
- Risk management is integrated in all decision-making processes.
- All activities require comprehensive risk assessment.
- Effective risk control mechanisms.
- Adequate system to observe and report risk.
- Effective internal control assessment.

TH's ERM allows it to comprehensively and effectively manage its plausible list of identified risks. The key risk areas examined are financial risk, operational risk, strategic risk and compliance risk. Comprehensive risk assessment is conducted continuously by the respective risk owners and for the key risks identified, risk control actions including management action plans are formulated and implemented. The results of the risk assessments were reviewed and reported to Lembaga through RMCC.

The key risks closely observed by **TH** comprise of the following risk classes:

- Strategic Risk
- Operational Risk
- Financial Risk
- Compliance Risk

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Statement on Risk Management and Internal Control

Risiko Utama Key Risk	Konsep Risiko Risk Concept	Penjelasan / Description
 Risiko Strategik Strategic Risk	-	<p>Mewakili kemungkinan punca kerugian yang lazimnya ditentukan oleh prestasi pelan perniagaan, objektif perniagaan dan strategi perniagaan TH. Ia digunakan untuk mengenal pasti, menilai, dan menguruskan risiko di dalam organisasi untuk mencapai objektif-objektif strategik.</p> <p>Represents a possible source of loss often determined by business plan performance, business objectives, and TH business strategy. It is used to identify, assess, and manage risks in the organisation to achieve its strategic objectives.</p>
 Risiko Operasi Operational Risk	Risiko Operasi Operational Risk	<p>Risiko kerugian akibat kesilapan, kegagalan atau ketidakcukupan proses dalaman, warga kerja, dan persekitaran teknologi TH atau peristiwa-peristiwa luar.</p> <p>The risk of losses due to errors, failures or inadequacies in TH's internal processes, people and technological environments, or from external events.</p>
	Kesinambungan Perniagaan Business Continuity	<p>Proses utama yang bertindak melindungi operasi perniagaan yang kritikal serta kepentingan TH dengan memastikan kebolehannya memenuhi tanggungjawab terhadap pelanggan, Lembaga dan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan.</p> <p>Key process that serves to safeguard the critical business operations and protect the interest of TH by ensuring it can continue to deliver its obligations towards customers, the Lembaga and relevant stakeholders.</p>
	Risiko Teknologi Maklumat Information Technology Risk	<p>Potensi kerugian atau bahaya berkaitan infrastruktur teknikal atau penggunaan teknologi maklumat di dalam organisasi akibat insiden pelanggaran atau serangan ke atas sistem maklumat TH.</p> <p>Potential of loss or harm related to technical infrastructure or the use of information technology within an organisation resulting from breaches incident or attacks on information systems.</p>
 Risiko Kewangan Financial Risk	Risiko Pasaran Market Risk	<p>Potensi kerugian akibat pergerakan pembolehubah pasaran seperti harga, kadar keuntungan, kadar pertukaran wang asing dan lain-lain faktor ekonomi. Risiko sistematik ini boleh memberi impak besar ke atas prestasi dana keseluruhan TH selain menjejaskan nilai aset.</p> <p>Possibility of losses arising from movements in market variables i.e. price, profit rates, foreign exchange and other economic factors. The systematic risk could be a major impact to TH's entire fund performance and greatly affect the asset values.</p>
	Risiko Kecairan Liquidity Risk	<p>Risiko di mana TH mungkin tidak mampu memenuhi tanggungjawabnya kerana ia melibatkan kerugian yang tidak boleh diterima. Peranan utama pengurusan risiko kecairan adalah memastikan kecukupan aset untuk dicairkan apabila perlu.</p> <p>Risk that TH may not be able to meet its obligations as they fall without incurring unacceptable losses. The primary role of liquidity risk management is to have adequate liquid assets to be liquidated when the need arises.</p>
	Risiko Kredit Credit Risk	<p>Risiko kemungkiran apabila peminjam gagal membayar pinjaman atau memenuhi syarat kontrak.</p> <p>Risk of default resulting from a borrower failing to repay a loan or fulfil contractual obligations.</p>

Risiko Utama Key Risk	Konsep Risiko Risk Concept	Penjelasan / Description
 Risiko Pematuhan Compliance Risk	AML/CFT AML/CFT	Tertumpu kepada Akta 613 (Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001). Focusing on Act 613 (Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001).
	Kawal Selia Regulatory	Tertumpu kepada Garis Panduan/Pekeliling Luar yang memberi kesan ke atas TH. Contohnya, garis panduan BNM, SC, dan Bursa Malaysia. Focusing on External Guidelines/Circulars that will impact TH. For example, guidelines from BNM, SC, Bursa Malaysia.
	Peraturan Dalaman Internal Rules	Tertumpu kepada Garis Panduan/Pekeliling Dalaman yang memberi kesan ke atas TH. Contohnya, Kerajaan Arab Saudi (untuk tujuan haji) dan Kod Tatalaku. Focusing on Internal Guidelines/circulars that will impact TH. For example, Kingdom of Saudi Arabia (for Hajj purposes) and Code of Conduct.

Tadbir Urus (Pengurusan Risiko yang Kukuh)

- Kematangan Budaya Risiko & Pematuhan perlu dipupuk – Perlu berkembang dengan rentak yang betul dari pihak atasan.
- Selera Risiko dirangkumkan di dalam semua pelan strategik dan perniagaan, dengan tahap kesedaran yang berbeza-beza.
- Meningkatkan Pengesanan Risiko dan Penjejakan Tindakan Pembetulan bagi mengurangkan baki risiko.

Governance (Robust Risk Management)

- Maturity of Risk & Compliance culture has to be nurtured – Must be developed with the right tone from the top.
- Risk Appetite is integrated in all strategic and business planning, with multiple level of awareness.
- Enhance Risk Detection and Corrective Actions tracking to mitigate residual risks.

Aspek Tumpuan / Focus area	Objektif Strategik / Strategic Objective
Budaya Tadbir Urus Pematuhan Compliance Governance Culture	<ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan kapasiti dan kebolehan. 2. Meningkatkan peranan dan tanggungjawab Pegawai Khas Risiko & Pematuhan (KPRP). 3. Menginstitusikan fungsi pematuhan. 4. Melaksana dan mengoptimalkan alat-alat pematuhan. 5. Memperkukuhkan Risiko Syariah dan Pematuhan Syariah.
Pelan Tindakan Risiko Risk Plans of Action	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membangunkan strategi atas-bawah bagi merangkumi budaya risiko & pematuhan agar organisasi boleh berjaya dengan cara yang betul. 2. Menerapkan pengetahuan dan penggunaan Selera Risiko di seluruh syarikat. 3. Memastikan pengesanan risiko, perlindungan, dan pemantauan tindakan pembetulan yang berkesan.
Penyeliaan Risiko Kumpulan TH TH Group Risk Oversight	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menilai kesedaran mengenai isu-isu risiko & pematuhan menerusi penglibatan di seluruh Kumpulan. 2. Melaksanakan fungsi penyeliaan Kumpulan.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Statement on Risk Management and Internal Control

JAWATANKUASA AUDIT DAN TADBIR URUS

Lembaga bertanggungjawab ke atas semua tindakan JATD berkaitan prestasi peranan-peranan yang diberikan, termasuk keputusan semakan serta pendedahan risiko-risiko penting dan mekanisme kawalan dalaman di dalam laporan ini. Dengan pengasingan fungsi risiko dan pematuhan menurut Terma Rujukannya (“TOR”), JATD bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut:

- Memastikan pematuhan kepada peruntukan-peruntukan Badan Berkanun (Akaun-akaun dan Laporan-laporan Tahunan) Akta 1980 (Akta 240) dan Pekeliling-pekeliiling Perbendaharaan atau arahan-arahan berkaitan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa untuk penyediaan dan penyerahan penyata-penyata kewangan dan laporan-laporan tahunan;
- Menyemak dan menyokong penyata-penyata kewangan dan hal-hal audit **TH** dan Kumpulan **TH**;
- Memantau rangka kerja kawalan dalaman **TH** serta memastikan keberkesanan operasi dan pematuhan kepada kehendak-kehendak kawal selia;
- Menilai kecukupan dan keberkesanan fungsi Audit Dalam (“AD”) **TH** dengan:
 - Menyemak Piagam Audit, Pelan Tahunan Audit Dalam, program-program audit, keperluan sumber anggota, belanjawan tahunan fungsi AD serta menilai kemampuannya melaksanakan aktiviti-aktiviti secara bebas dan objektif;
 - Menyemak laporan-laporan dan dapatan-dapatan seperti yang dibentangkan semasa mesyuarat serta menyemak dapatan-dapatan penting serta maklum balas Pengurusan, dan mengesahkan jika tindakan-tindakan sewajarnya telah diambil;
 - Mencadangkan kepada Lembaga mengenai pelantikan, pemindahan, pemecatan (termasuk penamatan jawatan dan penyingkiran) Ketua Pegawai Audit Dalam dan Integriti (“KPADI”);
 - Menilai prestasi KPADI serta anggota-anggota di bawah seliaannya; dan
 - Menerima makluman mengenai pelantikan, pemindahan, pemecatan, dan peletakan jawatan anggota dalam fungsi AD.

AUDIT AND GOVERNANCE COMMITTEE

The Lembaga is responsible for all AGC actions related to the performance of assigned roles, including the results of the review and the disclosure of major risks and internal control mechanisms in this report. With the separation of risk and compliance functions, according to its Terms of Reference (“TOR”), AGC is in charge of the following:

- Ensure adherence to the provisions of the Statutory Bodies (Accounts and Annual Reports) Act 1980 (Act 240) and the relevant Treasury Circulars or orders issued from time to time for the preparation and submission of the financial statements and annual reports;
- Review and endorse **TH** and **TH** Group’s financial statements and audit matters;
- Oversee **TH**’s internal control framework and ensure operational effectiveness and compliance with regulatory requirements;
- Assess the adequacy and effectiveness of **TH**’s internal audit (“IA”) function by:
 - Reviewing the Audit Charter, Annual Internal Audit Plan, audit programmes, staff resource requirements, annual budget of the IA function and assessing its ability to undertake activities independently and objectively;
 - Reviewing the reports and findings as presented during meetings and review major findings and Management’s response and confirm if appropriate actions have been undertaken;
 - Recommending to the Lembaga the appointment, transfer, dismissal (including termination and removal) of the Chief of Internal Audit and Integrity Officer (“CIAO”);
 - Assessing the performance of the CIAIO and his direct reports; and
 - Receiving notification on appointments, transfers, dismissals, and resignations of staff within the IA function.

- Menasihati Lembaga mengenai hal-hal berkaitan integriti dan tadbir urus bagi memastikan operasi perniagaan **TH** mematuhi undang-undang, kawal selia dalaman, etika dan integriti;
- Menasihati **TH** mengenai sebarang perubahan dalam amalan-amalan, sistem-sistem dan prosedur-prosedur bagi mengurangkan kemungkinan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa;
- Menyemak, mencadang dan memastikan Rangka Kerja Pelan Integriti **TH** dilaksanakan dengan berkesan dan sewajarnya dari semasa ke semasa;
- Memastikan isu-isu risiko berkaitan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa serta tadbir urus pengurusan serta pentadbiran **TH** berada di bawah kawalan;
- Memperaku dan mengekalkan piawaian-piawaian etika tatalaku yang didambakan untuk Kumpulan **TH** serta vendor-vendor berdaftarnya menerusi Kod Tatalaku dan Etika Perniagaan (“COBE”) dan Kod Etika Vendor (“VCOC”) serta melaksanakan dasar-dasar dan prosedur-prosedurnya;
- Menilai dan menyemak keberkesanan COBE dan VCOC serta mencadangkan kepada Lembaga perubahan-perubahan yang sewajarnya;
- Menyemak laporan-laporan pelanggaran COBE dan VCOC;
- Memastikan kewujudan mekanisme semak dan imbang;
- Menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga dasar-dasar dan prosedur-prosedur pemberi maklumat untuk **TH** dan Kumpulan **TH** dari semasa ke semasa;
- Menyemak, mengarah dan membuat keputusan berkaitan pemberian maklumat mengenai pelanggaran kod tatalaku, jenayah, rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di **TH**;
- Memantau proses siasatan pemberian maklumat, melaporkan kepada Lembaga (jika perlu);
- Memantau proses siasatan dan sebarang tindakan-tindakan pembetulan yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa dan/atau Lembaga.
- Advise the Lembaga on matters pertaining to integrity and governance to ensure that **TH**'s business operations comply with laws, internal regulations, ethics and integrity;
- Advise **TH** on any changes in appropriate practices, systems, and procedures to reduce the likelihood of corruption, malpractices and misuse of power;
- Review, recommend and ensure **TH**'s integrity Plan Framework is implemented effectively and appropriately from time to time;
- Ensure risk issues regarding corruption, malpractices, misuse of power and governance in **TH**'s management and administration are under control;
- Formalise and maintain a set of ethical standards of behaviour expected of **TH** Group and its registered vendors through **TH**'s Code of Business Conduct and Ethics (COBE) and Vendor Code of Conduct (VCOC) and implement its policies and procedures;
- Assess and review the effectiveness of COBE and VCOC and recommend to the Lembaga changes as necessary;
- Review reports on violations of COBE and VCOC;
- Ensure check and balance mechanism is in place;
- Review and recommend to the Lembaga the appropriate whistleblowing policies and procedures for **TH** and **TH** Group from time to time;
- Review, direct and make decisions on **TH**'s whistleblowing information about violations of code of conduct, criminal, corruption, malpractice, and misuse of power;
- Oversee the whistleblowing investigation process, report to the Lembaga (if necessary);
- Oversee the investigation process and any remedial actions initiated by the Committee and/or Lembaga.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Statement on Risk Management and Internal Control

Pada masa yang sama, Pengurusan menyedari tanggungjawabnya untuk mengenal pasti dan menilai risiko-risiko yang dihadapi selain mengawasi pencapaian sasaran-sasaran dan matlamat-matlamat perniagaan di dalam rangkuman toleransi risiko yang diluluskan oleh Lembaga. Secara keseluruhannya, Pengurusan bertanggungjawab:

- Mengamalkan rangka kerja, dasar-dasar dan prosedur-prosedur kawalan dalaman yang telah diluluskan oleh Lembaga;
- Mengetahui pasti, menilai dan memantau kecekapan sistem kawalan dalaman serta mengambil tindakan pembetulan yang segera apabila perlu;
- Mengesahkan kepada Lembaga bahawa sistem-sistem kawalan dalaman **TH** berfungsi dengan baik dan berkesan dalam semua aspek berkaitan, sejajar dengan sistem kawalan dalaman yang diwujudkan.

Seperti JRATD terdahulu, JATD dianggotai oleh anggota Lembaga dan dibantu oleh KPADI dalam menjalankan tugas kepada Lembaga berkaitan isu-isu penting yang dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat JATD. Mesyuarat-mesyuarat diadakan dengan kehadiran Pengarah Eksekutif Kewangan Kumpulan dan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif. Wakil-wakil pengurusan kanan dari jabatan-jabatan yang berkaitan juga dijemput menghadiri mesyuarat apabila perlu untuk membantu dalam perbincangan.

Pada suku tahun ketiga, JATD mengalu-alukan pelantikan pengerusi baharu, Encik Asril Rahman Abdul Hadi, menggantikan Dato' Abdul Hamid Sh Mohamed, yang menamatkan tempoh perkhidmatan beliau selaku anggota Lembaga pada suku tahun yang sama.

Semasa tahun kewangan 2023, JATD telah bermesyuarat sebanyak lapan (8) kali, di mana empat daripadanya adalah Mesyuarat Khas, seperti yang dijelaskan di bawah. JATD telah memenuhi korum yang ditetapkan dalam TOR dalam kesemua lapan (8) mesyuarat tersebut.

Concurrently, the Management recognises its obligation to recognise and assess the risks encountered and to track the accomplishment of business goals and objectives within the Lembaga-approved risk tolerance. In a nutshell, the Management has to:

- Put into practice internal control frameworks, policies and procedures that have been approved by the Lembaga;
- Identify, assess and monitor on the efficacy of internal control systems and take prompt corrective action when necessary;
- Confirm to the Lembaga that **TH's** internal control systems are functioning suitably and successfully in all relevant aspect, in accordance with established internal control systems.

Like the former RAGC, the AGC is made up of members of the Lembaga and is assisted by the CIAIO in carrying out its duties to the Lembaga regarding pertinent issues discussed at AGC meetings. Meetings are organised in the attendance of Group Financial Executive Director and Group Managing Director and Chief Executive Officer. Senior management representatives from related departments are also invited to the meetings as needed to help facilitate in-depth discussions.

In the third quarter, AGC welcomed its new chairman, Encik Asril Rahman Abdul Hadi, replacing Dato' Abdul Hamid Sh Mohamed, who completed his term as a member of the Lembaga in the same quarter.

During the fiscal year 2023, the AGC convened eight (8) meetings, four of which were Special Meetings; hence meeting the required quorum as specified in its approved TOR at all eight (8) meetings.

Anggota Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus (JATD)
Audit and Governance Committee Members (AGC)

Bil. / No.	Anggota / Members	Keahlian / Membership	Lantikan / Appointment	Kehadiran Attendance
1.	Asril Rahman Abdul Hadi	Pengerusi / Anggota Chairman / Member	24 Ogos / August 2023	2/2*
2.	Prof. Dr. Ashraf Md Hashim	Anggota / Member	18 November / November 2020	8/8
3.	Datin Paduka Kartini Abdul Manaf	Anggota / Member	6 September / September 2021	7/8
4.	Dr Mohd Faisal Mustaffa	Anggota / Member	24 Ogos / August 2022	8/8
Bil. / No.	Mantan Anggota / Former Members	Keahlian / Membership	Tamat Lantikan / Completion	Kehadiran Attendance
1.	Dato' Abdul Hamid Sh Mohamed	Pengerusi / Anggota Chairman / Member	31 Julai / July 2023	6/6*

* Mewakili bilangan mesyuarat yang diadakan pada tahun 2023 semasa tempoh pelantikan.

* Represents the number of meetings held in 2023 during the appointment term.

Sepanjang 2023, JATD telah melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab berikut dengan berkesan:
During 2023, AGC has effectively discharged its duties through the following:

 <p>Audit Dalam Internal Audit</p>	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Menyemak dan meluluskan: <ul style="list-style-type: none"> • Pelan Audit Berasaskan Risiko 2024 • Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam Laporan Tahunan 2022; dan • Semakan Piagam Audit Dalam dan Integriti TH ➤ Status Penutupan Temuan Audit; ➤ Perbincangan mengenai laporan-laporan audit dalam serta pelan tindakan Pengurusan. Di mana wajar, JATD mengarahkan Pengurusan untuk memperbetul dan meningkatkan sistem kawalan berdasarkan saranan dan cadangan penambahbaikan oleh audit dalam; dan ➤ Memaklumi pelaksanaan cadangan audit dalam oleh pihak Pengurusan berkaitan isu-isu tertunggak bagi memastikan bahawa semua risiko utama dan kelemahan kawalan ditangani dengan sewajarnya. 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Reviewed and approved: <ul style="list-style-type: none"> • Risk Based Audit Plan 2024 • Statement on Risk Management and Internal Control for 2022 Annual Report; and • Revision of TH Internal Audit & Integrity Charter ➤ Status of Closure of Audit Observations ➤ Deliberated on the internal audit reports and Management's action plan. Where appropriate, AGC instructed Management to rectify and improve the control systems based on internal audit's recommendations and suggestions for improvements; and ➤ Keep updated on Management's implementation of the internal audit recommendations on outstanding issues to ensure that all key risks and control weaknesses were being properly addressed.
 <p>Integriti Integrity</p>	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Menyemak dan meluluskan: <ul style="list-style-type: none"> • Pelan Tindakan Integriti TH 2023-2027 ➤ Menyemak: <ul style="list-style-type: none"> • Laporan ABMS; • Laporan Keberkesanan Tindakan yang diambil berkaitan ABMS; • Status Pematuhan Anak Syarikat TH kepada Garis Panduan mengenai Kecukupan Prosedur Seajar dengan Seksyen 17A Akta SPRM 2009; dan • Laporan-laporan Siasatan. 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Reviewed and approved: <ul style="list-style-type: none"> • TH Integrity Blueprint 2023-2027 ➤ Reviewed: <ul style="list-style-type: none"> • Report on ABMS; • Report on Effectiveness of Action Taken on ABMS; • Status of TH Subsidiaries' Compliance to The Guidelines on Adequate Procedures Pursuant to Section 17A MACC Act 2009; and • Investigation Reports.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Statement on Risk Management and Internal Control

SISTEM KAWALAN DALAMAN

Sistem-sistem kawalan dalaman **TH** dibangun dengan berlandaskan prinsip-prinsip Maqasid Syariah sebagai nilai-nilai asasnya. Elemen-elemen utama dalam sistem kawalan dalaman yang dibangunkan oleh Lembaga bagi tujuan mewujudkan tadbir urus yang baik dan sistem kawalan dalaman yang berkesan termasuk:

- Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga iaitu Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus, Panel Pelaburan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Pematuhan, Jawatankuasa Penasihat Syariah, Jawatankuasa Urusan Haji, Jawatankuasa Penamaan dan Imbuan, Jawatankuasa Tatatertib, dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib;
- Takrif tanggungjawab dan kuasa yang jelas bagi membolehkan maklum balas segera, pengawasan berkesan ke atas perjalanan harian perniagaan serta akauntabiliti;
- Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman diterbitkan oleh Lembaga dan Pengurusan bagi menyediakan jaminan sewajarnya ke arah mencapai keseluruhan objektif perniagaan, selain melindungi dan mempertingkatkan pelaburan dan aset;
- Penubuhan Rangka Kerja, Dasar, Manual dan Prosedur sebagai dokumen rujukan utama yang menggariskan dasar-dasar dan tadbir urus berserta proses-proses dan fungsi-fungsi yang ditakrif dengan jelas di dalam organisasi.

Semasa tahun tinjauan, terdapat dua pencapaian iaitu penerbitan Pelan Tindakan Integriti **TH** 2023 – 2027 serta semakan Piagam Audit Dalam dan Integriti **TH**. Piagam Audit Dalam dan Integriti **TH** disemak bagi memberi gambaran yang lebih baik mengenai peningkatan fungsi-fungsi audit dan integriti **TH**. Hal ini dijalankan berikutan saranan Semakan Penilaian Kualiti Luar (EQAR) oleh Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (“IIA”) pada suku tahun keempat 2022, di mana **TH** dianugerahkan dengan pematuhan am.

Sistem-sistem, dasar-dasar, amalan-amalan dan proses-proses **TH** tidak menerima laporan buruk atau menunjukkan kelemahan atau kekurangan ketara dari segi kecukupan dan integriti kawalan dalaman. Tambahan lagi, tiada kerugian kewangan yang ketara berlaku sepanjang tahun kewangan yang ditinjau akibat sebarang kekurangan dalam sistem kawalan dalaman **TH**.

Penyata ini dibuat sejajar dengan resolusi Lembaga bertarikh 4 April 2023.

INTERNAL CONTROL SYSTEMS

TH's internal control systems are designed with Maqasid al-Shariah principles as its foundational ideals. The Lembaga's internal control systems, which are designed to provide good governance and efficient internal control systems, have the following essential components:

- The Lembaga Committees namely Audit and Governance Committee, Investment Panel, Risk Management and Compliance Committee, Shariah Advisory Committee, Hajj Operations Committee, Nomination and Remuneration Committee, Disciplinary Committee and Disciplinary Appeal Committee;
- Clearly defined lines of responsibilities and authorities to facilitate prompt responses, effective supervision of day-to-day business conducts and accountability;
- Risk Management and Internal Control Statement is issued by the Lembaga and the Management to provide reasonable assurance towards achieving the overall business objectives, as well as safeguarding and enhancing the investments and assets;
- Establishment of Framework, Policy, Manual and Procedures as main reference documents that outlines the policies and governance with clearly defined processes and functions within the organisation.

During the year under review, two milestones were achieved: the publication of **TH** Integrity Blueprint 2023 – 2027 and the revision of **TH** Internal Audit and Integrity Charter, respectively. The **TH** Internal Audit and Integrity Charter was revised to better reflect the enhancement of audit and integrity functions in **TH**. The exercise was carried out following the suggestion of External Quality Assessment Review (EQAR) conducted by Institute of Internal Auditors Malaysia (“IIA”) in the fourth quarter of 2022, where **TH** were awarded with general conformance.

The systems, policies, practices and processes of **TH** received no adverse reports nor significant weakness or deficiencies in the adequacy and integrity of internal controls. Moreover, no substantial financial losses were incurred during the reviewed financial year as a result of any shortcomings in the **TH** internal control systems.

This Statement is made in accordance with resolution of the Lembaga dated 4 April 2023.

LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH

Report of the Shariah Advisory Committee



الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على نبينا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين، وبعد،

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Kami, ahli-ahli JPS **TH**, selaras dengan tanggungjawab yang digariskan di dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah **TH** mengemukakan laporan Jawatankuasa Penasihat Syariah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

- JPS telah menasihati Lembaga berkenaan perkara-perkara Syariah yang dikemukakan oleh Pengurusan **TH** melalui keputusan-keputusan Syariah yang dibuat oleh JPS berhubung operasi dan aktiviti pelaburan bagi memastikan kepatuhan terhadap prinsip-prinsip Syariah berdasarkan piawaian Syariah yang diiktiraf oleh JPS.
- Menjadi tanggungjawab Pengurusan **TH** bagi memastikan segala aktiviti yang dijalankan mematuhi segala prinsip Syariah dengan merujuk kepada JPS dan mendapatkan nasihat mengenai perkara berkaitan Syariah serta melaksanakan segala polisi Syariah yang diluluskan oleh JPS.
- Dalam menjalankan tanggungjawab seperti yang digariskan dalam polisi yang berkaitan, JPS disokong oleh fungsi Perundingan, Pembangunan dan Sekretariat Syariah dan fungsi Pematuhan dan Semakan Syariah.
- Sepanjang tahun 2023, sebanyak tujuh (7) mesyuarat JPS telah dijalankan bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan cadangan aktiviti pelaburan, pembangunan garis panduan Syariah dan prosedur operasi piawai, isu-isu Syariah berkaitan pengurusan operasi simpanan **TH**, laporan-laporan berkala berkaitan kedudukan dana pendapatan tidak patuh Syariah, makluman daripada Bahagian Syariah Kumpulan, zakat dan sebagainya.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

We, the members of the **TH** SAC, in accordance with the responsibilities outlined in the **TH** Shariah Governance Framework, submit the report of the Shariah Advisory Committee for the financial year ending 31 December 2023.

- SAC has advised the Board regarding Shariah matters presented by **TH** Management through Shariah decisions made by SAC in regard to operations and investment activities to ensure compliance with Shariah principles based on Shariah standards recognised by SAC.
- It is the responsibility of **TH** Management to ensure that all activities carried out comply with all Shariah principles by referring to the SAC and seeking advice on matters related to Shariah as well as implementing all Shariah policies approved by the SAC.
- In carrying out its responsibilities as outlined in the relevant policy, SAC is supported by the Shariah Advisory, Development and Secretariat function and the Shariah Compliance and Review function.
- Throughout the year 2023, a total of seven (7) SAC meetings were held to discuss matters related to proposed investment activities, the development of Shariah guidelines and standard operating procedures, Shariah issues related to the management of **TH** deposit operations, periodic reports related to the status of Shariah non-compliant fund, notification from the Group Shariah Division, zakat and so on.

LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH

Report of the Shariah Advisory Committee

PERKEMBANGAN PENTING BAHAGIAN SYARIAH KUMPULAN

► SEKSYEN PERUNDINGAN DAN KAJIAN SYARIAH

Seksyen Perundangan dan Kajian Syariah berfungsi sebagai rujukan untuk memberikan khidmat nasihat Syariah berkenaan aktiviti **TH** kepada jabatan-jabatan yang berkaitan. Selain itu, seksyen ini juga akan melakukan penyelidikan Syariah terhadap isu-isu yang berkaitan dengan pelaburan dan aktiviti **TH** serta membangunkan polisi dalaman seperti rangka kerja, garis panduan dan prosedur yang berkaitan.

Penambahbaikan Garis Panduan Zakat **TH** dan pembangunan Rangka Kerja Pelaksanaan Tadbir Urus Syariah Untuk Syarikat Penerima Pelaburan **TH** telah dilaksanakan pada tahun 2023.

Selain kerja-kerja dalaman, sesi libat urus bersama agensi kerajaan yang berkenaan telah dijalankan bagi memberikan pendedahan dan perkongsian berkenaan amalan zakat di **TH** berdasarkan Garis Panduan Zakat **TH**.

► SEKSYEN SEMAKAN DAN PEMANTAUAN SYARIAH

Seksyen Semakan dan Pemantauan Syariah terus memainkan peranan penting dalam memastikan aktiviti dan operasi berkaitan pelaburan yang dijalankan oleh **TH** tidak melanggar prinsip Syariah. Pelan Semakan Syariah untuk tahun kewangan 2023 telah diluluskan oleh JPS **TH** untuk pelaksanaannya. Laporan Semakan Syariah juga telah dibincangkan dalam mesyuarat untuk mengesahkan bahawa operasi dan pelaburan **TH** telah mematuhi Syariah sebagaimana keputusan yang dikeluarkan **TH**. Segala pemerhatian dan cadangan penambahbaikan yang dikenal pasti oleh Seksyen Semakan dan Pemantauan Syariah telah dibentangkan dan dibincangkan dalam mesyuarat JPS **TH**.

Pada tahun kewangan 2023, Laporan Semakan Syariah telah dibentangkan kepada ahli-ahli JPS **TH** sebagaimana yang berikut:

- Jabatan Haji
- Pengurus Dana Luaran
- Jabatan Operasi
- Pelaburan Hartanah
- Amalan Pinjaman Pemegang Saham dalam Kumpulan **TH**

IMPORTANT DEVELOPMENTS GROUP SHARIAH DIVISION

► SHARIAH ADVISORY AND RESEARCH SECTION

Shariah Advisory and Research Section functions as a reference to provide Shariah advisory services regarding **TH** activities to relevant departments. In addition, this section will also conduct Shariah research on issues related to investment and **TH** activities as well as to develop internal policies such as related frameworks, guidelines and procedures.

The improvement of the **TH** Zakat Guidelines and the development of the Framework on Implementation of Shariah Governance For **TH** Investee Companies were implemented in 2023.

In addition to internal work, engagement sessions with relevant government agencies were conducted to provide exposure and sharing of zakat practices at **TH** based on the **TH** Zakat Guidelines.

► SHARIAH REVIEW AND MONITORING SECTION

